



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH JASIN



Modul Pentaksiran INTERVENSI **MASYHUR**

PENAJA

Dr. Hayati binti Jaafar
Pakar Kanak - Kanak
Hospital Pantai, Ayer Keroh. Melaka
014 - 3157553

**SPM
2024**

PERNIAGAAN

PENTAKSIRAN INTERVENSI MASYHUR

Edisi 1 : 2021

Edisi 2 : 2022

Edisi 3 : 2023

Edisi 4 : 2024

@ Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian rencana, ilustrasi dan isi kandungan bahan ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit. Tanggungjawab hak cipta tidak ada kena mengena dengan maklumat yang terkandung di dalam bahan ini.

Penerbit:

PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH JASIN

Jalan Pegawai, 77000 Jasin. Melaka

Tajaan Penerbitan:

DR. HAYATI BINTI JAAFAR

Klinik Pakar Kanak-Kanak
Hospital Pantai, Ayer Keroh. Melaka

Suntingan Grafik oleh:

Remy Azman bin Abdul Rashid

Siti Zainab binti Mat Nor

Nurul Fareha binti Rosli

Amiza binti Mad Zin

Mohammad Firdhaus bin Abu Bakar

Pegawai Unit Sumber Teknologi Pendidikan

Pejabat Pendidikan Daerah Jasin

Dicetak oleh:

KHIDMAT JAYA ENT SDN. BHD

No 24 Jalan Kerambit 5, Bandar Baru Sungai Udang

76300 Melaka

Tel: 012-7215480

Email: printing@khidmatjaya.com.my

Mutiara Kata Bingkisan Hati

PEGAWAI PENDIDIKAN DAERAH JASIN

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Salam Malaysia Madani.

Pendidikan Berkualiti, Insan Terdidik, Negara Sejahtera.

ppdjasinBITARA



Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmatNya telah berjaya menerbitkan Pentaksiran Intervensi Masyhur.

Ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan saya titipkan kepada Dr. Hayati binti Jaafar, Pakar Kanak-Kanak, Hospital Pantai Ayer Keroh Melaka kerana menabur budi dan bekerjasama dengan Pejabat Pendidikan Daerah Jasin. Dr Hayati memperuntukkan dana dengan menaja Program Pentaksiran Intervensi Masyhur.

Beliau telah menaja penerbitan Pentaksiran Intervensi Masyhur bagi 15 subjek teras dan elektif edisi ke 4. Pentaksiran ini banyak membantu calon-calon Sijil Pelajaran Malaysia khasnya untuk melaksanakan aktiviti pengayaan dan pengukuhan sebelum menduduki peperiksaan. Penggunaan pentaksiran ini menyumbang kepada peningkatan Gred Purata Daerah saban tahun. Justeru itu, saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua pihak terutama barisan penulis yang telah bertungkus lumus menghasilkan pentaksiran lengkap ini. Mudah-mudahan bahan pentaksiran ini akan terus dijadikan rujukan dan refleksi terhadap inisiatif guru untuk melonjakkan kualiti pendidikan di daerah Jasin

Melalui penerbitan Pentaksiran Intervensi Masyhur ini juga dapat dijadikan bahan untuk mengukuhkan lagi persediaan calon Sijil Pelajaran Malaysia dalam menghadapi peperiksaan. Pentaksiran ini merupakan dokumen yang komprehensif, dinamik dan realistik bagi memantapkan intelektual murid ke arah kecemerlangan yang mampan dan memberi impak tinggi dalam kemenjadian murid dan kecemerlangan sekolah.

Oleh itu, kejayaan dalam menghasilkan Pentaksiran Intervensi Masyhur ini diiringi dengan niat dan azam yang tinggi, dapat menggalas amanah dan tanggungjawab dalam membentuk modal insan cemerlang di dunia dan di akhirat. Sementelahan, diharapkan usaha murni ini dapat diteruskan agar melahirkan generasi masyarakat yang gemilang sesuai dengan agenda pendidikan negara.

Sekian, terima kasih.

Menjana Pendidikan Ke Aras Kecemerlangan Global

MOHD YUSOF BIN SAID B.C.M

PEGAWAI PENDIDIKAN DAERAH JASIN

Mengungkap Tinta Inspirasi Ilmu

TIMBALAN SEKTOR PEMBELAJARAN

Assalamualaikum wbt wrt dan Salam Sejahtera
Salam Malaysia Madani
Pendidikan Berkualiti, Insan Terdidik Negara Sejahtera.
#ppdjasinBITARA



Alhamdulillah, dengan penuh rasa syukur ke hadrat Allah Taala, Modul Pentaksiran Intervensi Masyhur telah berjaya diterbitkan dengan jayanya. Kejayaan ini adalah hasil limpah rahmat dan inayah-Nya yang tiada terhingga.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dr. Hayati binti Jaafar, Pakar kanak-Kanak, Hospital Pantai Ayer Keroh Melaka kerana menabur budi dan memberikan kerjasama erat dengan Pejabat Pendidikan Daerah Jasin. Penerbitan modul Pentaksiran Intervensi Masyhur ini tidak mungkin direalisasikan tanpa sokongan dan komitmen jitu daripada pihak penaja yang terlibat.

Modul ini dirancang dengan tujuan yang jelas: untuk memperkasa para pendidik dalam melaksanakan penilaian yang berfokus dan berkualiti, serta mempamerkan pelbagai teknik dan alat pentaksiran yang boleh digunakan. Diharapkan bahan ini menjadi sumber rujukan yang berkesan dalam usaha meningkatkan mutu pendidikan dan pentaksiran di kalangan pendidik dan murid.

Pentaksiran Intervensi Masyhur bukan sekadar sebuah modul, tetapi merupakan alat penting dalam proses pengukuhan pembelajaran. Penggunaannya yang meluas merangkumi pelbagai mata pelajaran menjadikannya satu keperluan yang kritikal dalam dunia pendidikan. Keistimewaan modul ini terletak pada keseragaman dalam pentaksiran, di mana penulis merujuk kepada analisis data *Continuous Quality Improvement* (CQI@Jasin) sebagai petunjuk prestasi. Keseragaman ini memastikan keadilan dan ketelusan dalam proses pembelajaran, di mana murid dinilai berdasarkan standard yang sama.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam menjayakan penerbitan ini. Kepada panel penulis yang mencurahkan masa dan tenaga mereka untuk menghasilkan kandungan yang berkualiti, serta jawatankuasa kerja yang tidak mengenal lelah dalam memberikan sokongan logistik dan moral, jasa kalian amatlah dihargai.

Akhir kata, semoga Pentaksiran Intervensi Masyhur ini mampu menjadi alat yang efektif dalam meningkatkan kualiti pendidikan melalui pentaksiran yang berstruktur dan komprehensif, serta menyumbang kepada peningkatan prestasi kejayaan calon SPM.

Sekian, terima kasih.
Mengakselerasi Pendidikan Madani

DR. HAJI MOHD ALFOUZII BIN NASIR
TIMBALAN SEKTOR PEMBELAJARAN

NURULL AILIADHA BIN ABDUL RAZAD@RAZAK
PENYELARAS - SISC+ - PPD Jasin



HASIMAWATI BINTI HASHIM
KETUA PANEL - SMK Seri Mahkota



NIK RUSLINA BINTI YUSOFF
SMK Dang Anum



HAFEEZAH BINTI HUSIN
SM Arab JAIM Assyakirin



KAMISAH BINTI SALEH
SMK Simpang Bekoh



SURIA HASIRZAN BINTI MOHD SUID
SMK Selendar



RAFIZAH BINTI OTHMAN
SMK Seri Bemban



DIANA AINI BINTI MOKTER
SMK Datuk Bendahara



ZULAIKHA BINTI MD AMIN
SMK Seri Mahkota



NORBADARIAH BINTI MD BAHARI
SMK Sungai Rambai



MOHD KAMARUZAMAN BIN CHE AHMED
SMK Tan Sri Haji Abdul Aziz Tapa



FORMAT PENTAKSIRAN

MATA PELAJARAN PERNIAGAAN SPM

KOD 3766

PERKARA	KERTAS 1 (3766/1)	KERTAS 2 (3766/2)	KERTAS 3 3766/3)
JENIS INSTRUMEN	UJIAN BERTULIS	UJIAN BERTULIS	PROJEK
JENIS ITEM	OBJEKTIF ANEKA PILIHAN DAN GABUNGAN	SUBJEKTIF RESPON TERHAD DAN TERBUKA	TUGASAN PERNIAGAAN
BILANGAN SOALAN	40 SOALAN (WAJIB)	BAHAGIAN A 6 SOALAN PILIH 5 BAHAGIAN B 3 SOALAN PILIH 2 BAHAGIAN C 1 SOALAN (WAJIB)	SATU TUGASAN
JUMLAH MARKAH	40 MARKAH	BAHAGIAN A = 50 MARKAH BAHAGIAN B = 30 MARKAH BAHAGIAN C = 20 MARKAH JUMLAH = 100 MARKAH	80 MARKAH
WAJARAN	20%	60%	20%
TEMPOH UJIAN	1 JAM 15 MINIT	2 JAM 15 MINIT	10 MINGGU (APRIL - JUN)

KEY WORD

Kata Kunci	Fokus	Catatan
Takrifkan/ Definisikan	Memberikan keterangan yang singkat tentang makna suatu perkataan khusus, istilah atau terminologi.	Mesti dalam bentuk ayat lengkap
Nyatakan	Memberikan jawapan yang spesifik tanpa penerangan lanjut.	Hanya Fakta sahaja
Senaraikan	Memberikan beberapa fakta, ciri, konsep, prinsip, teori dan sebagainya secara spesifik tanpa penerangan lanjutan setiap satu.	Mesti dalam bentuk ayat lengkap
Terangkan	Memberikan jawapan spesifik beserta huraihan ringkas.	Fakta dan Huraian dalam satu ayat
Jelaskan	Memberikan jawapan spesifik beserta huraihan lanjut dan contoh.	1 Fakta, 1 Huraian, 1 Contoh
Bandingkan	Penerangan tentang perbezaan dan persamaan	Boleh buat dalam jadual tetapi ayat mestilah lengkap
Perbezaan	Memberi perbezaan berdasarkan dimensi yang sama	Boleh buat dalam jadual tetapi ayat mestilah lengkap
Cadangkan	Pendapat dan cadangan yang diberi hendaklah betul bersama dengan sebab	Mesti dalam bentuk ayat lengkap
Soalan pengiraan/ perhitungan	Memberikan formula/rumus, tunjukkan jalan pengiraan dan jawapan akhir ditulis dengan unit yang betul.	Markah pada pengisian angka di dalam rumus mestilah betul,jawapan juga betul.
Gambar rajah	Lukis rajah dengan betul, labelkan dan huraikan gambarajah tersebut.	Jika soalan berdasarkan kesyang diberi, jawapan hendaklah mengikut kes yang di beri.
Proses, langkah, prosedur dan galur	Isi jawapan mestilah mengikut susunan	Langkah salah, '0 markah'
Kajian kes	Fahami kes dan jawapan berdasarkan kes yang diberi	Jawapan umum '0 markah' walaupun betul

YELLOW PAGES PERNIAGAAN

- a) Berikan maksud perkataan-perkataan di bawah mengikut konteks dalam mata pelajaran perniagaan.
- b) Semua jawapan tugasannya hendaklah ditulis di dalam kertas ini.
- c) Semua jawapan adalah berdasarkan buku teks.

TINGKATAN 4

BAB 1

Bil	Istilah	Maksud
1	Perniagaan	
2	Barang	
3	Perkhidmatan	
4	Kehendak	
5	Keperluan	
6	Pertukaran nilai	
7	Keuntungan perniagaan	
8	Penjual	
9	Pembeli	
10	Kontrak perniagaan	
11	Jualan pada harga kos	
12	Jualan pada harga di bawah kos	
13	Pemilikan perniagaan	
14	Milikan tunggal	

15	Perkongsian	
16	Rakan kongsi berhad	
17	Rakan kongsi lelap	
18	Rakan kongsi biasa	
19	Rakan kongsi aktif	
20	Rakan kongsi nominal (namaan)	
21	Syarikat Sendirian Berhad	
22	Syarikat Berhad	
23	Syarikat Awam Berhad	
24	Koperasi	
25	Francais	
26	Francaisor	
27	Francaisi	
28	Usahasama	
29	Sektor utama	
30	Sektor Kedua	
31	Sektor Ketiga	
32	Pasaran domestik	

33	Skala tempatan	
34	Skala negeri	
35	Skala kebangsaan	
36	Pasaran antarabangsa	
37	Skala zon	
38	Slaka Global	

BAB 2

Bil	Istilah	Maksud
1	Latihan	
2	Pembangunan	
3	Penyelidikan & Pembangunan	
4	Kewangan	
5	Pertumbuhan ekonomi	
6	Pendapatan isi rumah	
7	Kuasa beli pengguna	
8	Keuntungan Negara meningkat	
9	Guna tenaga (<i>labour</i>)	
10	Pengangguran geseran	
11	Pengangguran	

	bermusim	
12	Pengangguran kitaran	
13	Pengangguran teknologi	
14	Pengangguran Struktur	
15	Inflasi	
16	Deflasi	
17	Trend persekitaran perniagaan	
18	Faktor dalaman	
19	Faktor luaran	
20	Trend meningkat	
21	Trend Menurun	
22	Trend Mendatar	
23	Pasaran	
24	Pasaran untuk semua	
25	Pasaran produk	
26	Pasaran Kewangan	
27	Guna Tenaga	
28	Undang-undang	
29	Undang - aspek Kesihatan &	

	Persekutaran	
30	Undang - aspek pekerjaan	
31	Undang - aspek Maklumat	
32	Undang - aspek Pengiklanan	
33	Undang – aspek Syarikat	
34	Undang - aspek Persekutaran	
35	Undang - aspek Perancangan	
36	Undang - aspek Perlindungan Pengguna	
37	Undang - aspek Persaingan	
38	SWOT	
39	Gaya Pengurusan	
40	Gaya Pengurusan Laissez-Faire	
41	Gaya Pengurusan Sokongan	
42	Gaya Pengurusan Sederhana	
43	Gaya Pengurusan Autokratik	
44	Gaya Pengurusan Demokratik	
45	Sumber Manusia	
46	Sumber Manusia Dalaman	
47	Sumber Manusia Luaran	

48	Pemasaran	
49	Pengeluaran	
50	Sosiobudaya	
51	Analisis Faktor Dalaman	
52	Analisis Faktor Luaran	
53	Pendapatan	

BAB 3

Bil	Istilah	Maksud
1	Visi	
2	Misi	
3	Objektif	
4	Organisasi Berasaskan Untung (OBU)	
5	Organisasi Berasaskan Bukan Untung (OBBU)	
6	Spesifik	
7	Measureable (Boleh Diukur)	
8	Attainable (Boleh Dicapai)	
9	Realistic (Munasabah)	
10	Time Frame (Jangka Masa)	

11	Titik Pulang Modal	
12	Pertumbuhan Perniagaan	
13	Untung	
14	Jumlah hasil jualan	
15	Daya saing	
16	Syer Pasaran	
17	Jualan	
18	Penyediaan Perkhidmatan	
19	Dasar Kewangan	
20	Dasar Fiskal	

BAB 4

Bil	Istilah	Maksud
1	Bahagian Fungsian	
2	Struktur Organisasi	
3	Carta Organisasi	
4	Pembahagian Kerja	
5	Pentadbiran	
6	Pengurusan Sumber manusia	
7	Pengurusan Kewangan	
8	Teknologi Maklumat	

9	Teknologi maklumat dan Komunikasi (ICT)	
10	Penyelidikan & Pembangunan	
11	Pembelian	
12	Pengeluaran	
13	Kawalan Awalan	
14	Kawalan Semasa	
15	Kawalan Selepas	
16	Pemasaran	
17	Sasaran Pasaran	
18	Campuran Pemasaran	
19	Pengagihan	
20	Jualan	
21	Khidmat Pelanggan	
22	Pembangunan Produk	
23	Penjanaan Idea	
24	Penyaringan Idea	
25	Pembangunan Produk	
26	Pengujian Konsep	

27	Pembangunan Strategi Pemasaran	
28	Analisis Perniagaan	
29	Pembangunan Produk	
30	Ujian Pemasaran	
31	Komersialisasi	
32	Pasaran Baharu	
33	Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi	
34	e-pemasaran	
35	e-dagang	
36	e-government	
37	e-banking	
38	Aliran Maklumat	
39	Penghantar	
40	Enkod	
41	Saluran	
42	Dekod	
43	Penerima	

44	Maklum Balas	
45	Gangguan	
46	Aliran barang dan perkhidmatan	

TINGKATAN 5
BAB 1

Bil	Istilah	Maksud
1	Pengurusan Sumber Manusia(PSM)	
2	Standard Prosedur Operasi (SOP)	
3	Kebolehkerjaan	
4	Struktur organisasi	
5	Gaji	
6	Elaun	
7	Upah	
8	Bonus Tunai	
9	Komisen	
10	Pemberhentian	
<u>BAB 2</u>		

Bil	Istilah	Maksud
1	Sumber fizikal	

2	Bangunan	
3	Stok	
4	Bahan mentah	
5	Produk siap	
6	Harta Intelek	
7	Lesen Perisian	
8	Kemahiran dan pengalaman	
9	Paten	
10	Hak cipta terpelihara	

BAB 3

Bil	Istilah	Maksud
1	Simpanan peribadi	
2	Rizab	
3	Sewa beli	
4	Pajakan	
5	Syer	
6	Overdraf	
7	Pemfaktoran	
8	MARA	
9	TEKUN	
10	CGC	
11	Agro Bank	
12	MOSTI	
13	Geran tanah	
14	Geran penyelidikan dan pembangunan	

BAB 4

Bil	Istilah	Maksud
1	Penyata kewangan	
2	Kunci kira-kira	
3	Penyata aliran tunai	
4	Kos jualan	
5	Jualan bersih	
6	Kos belian	
7	Belian bersih	
8	Belanja	
9	Untung kasar	
10	Untung bersih	
11	Aset bukan semasa	
12	Aset semasa	
13	Ekuiti pemilik	
14	Liabiliti semasa	
15	Liabiliti bukan semasa	

16	Ambilan	
17	Kos tetap	
18	Kos berubah	
19	Analisis nisbah untung	
20	Peratusan margin untung kasar	
21	Peratusan margin untung bersih	
22	Peratusan untung tolakan	
23	Peratusan pulangan atas modal	
24	Analisis nisbah kecairan	
25	Analisis nisbah kecekapan	
26	Pusing ganti stok	
27	Pusing ganti aset	

BAB 5

Bil	Istilah	Maksud
1	Usahawan	
2	Modal	
3	Kemahiran	
4	Stok	
5	latihan	
6	Pemasaran	
7	Bantuan professional	
8	Produk	
9	Tempat (agihan)	
10	Harga	
11	Promosi	

BAB 6

Bil	Istilah	Maksud
1	Akta Pendaftaran Perniagaan 1956	
2	Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012	
3	Akta Syarikat 2016	
4	Rekod Transaksi Bank	
5	Rekod Jualan	
6	Rekod Pembelian	
7	Rekod kos operasi	
8	Rekod Ambilan/Modal	
9	Penyata aliran	
10	Pemasaran	
11	Jualan	
12	Pengiklanan	
13	Jualan Langsung	
14	Promosi Jualan	
15	Publisiti	


BAB 7

Bil	Istilah	Maksud
1	Rancangan Perniagaan	
2	Ringkasan Eksekutif	
3	Sasaran Jualan	
4	Sasaran Untung	
5	Sasaran Pelanggan	
6	Insetif Pekerja	
7	Cuti Tahunan	
8	Cuti Sakit	
9	Rancangan Operasi	
10	Bahan Mentah	
11	Rancangan Kewangan	
12	Rancangan Pemasaran	
13	Lampiran	
14	Rancangan Pentadbiran	
15	Rancangan Operasi	

KUMPULAN CEMERLANG

BAB 1 : TUJUAN PERNIAGAAN DAN PEMILIKAN PERNIAGAAN

1. (a) Rajah 1 berkaitan dengan tujuan perniagaan



Jelaskan tiga kaedah yang boleh digunakan oleh organisasi X [6 markah]

2. Gambar 1 menunjukkan dua jenis aktiviti perniagaan



- a) Jelaskan perbezaan di antara dua aktiviti perniagaan tersebut. [4 markah]
- b) Apakah maksud harga bawah kos bagi kaedah jualan dalam organisasi bukan bermotifkan untung (OBBU) [2 markah]
3. (a) Maklumat berikut berkaitan dengan jenis rakan kongsi:

En Irfan ialah seorang yang aktif dalam menguruskan perniagaan pakaian sukan yang dikongsi bersama Encik Hakimi. En Hakimi bersetuju menyumbangkan modal dan membantu En Irfan untuk menguruskan perniagaannya. Untuk mlariskan perniagaan, mereka menggunakan nama Encik Hafis, iaitu seorang pelakon terkenal. Encik Hafis tidak mengeluarkan modal dan tidak terlibat dalam menguruskan

Terangkan **dua** jenis rakan kongsi yang terdapat dalam perniagaan Encik Irfan [4 markah]

- (b) Mengapakah seseorang peniaga bercadang mengambil rakan kongsi dalam perniagaannya? [4 markah]

BAB 2 : TREND SEMASA DALAM PERNIAGAAN

4. Jelaskan jenis-jenis trend persekitaran perniagaan berikut:
 - i) Trend Meningkat [2 markah]
 - ii) Trend Menurun [2 markah]
 - iii) Trend Mendatar [2 markah]
5. Maklumat berikut berkaitan dengan trend persekitaran perniagaan

En. Akim dan En. Chen menjalankan perniagaan pengeluaran makanan sejuk beku semenjak enam tahun lalu di Kawasan Perindustrian Ayer Keroh ,Melaka. Pada awal perniagaan, mereka memasarkan produk di sekitar pasar raya bandar Melaka sahaja. Setelah enam tahun beroperasi , aktiviti dan operasi perniagaan mereka semakin berkembang dan keuntungan semakin meningkat.
6. Gambar berikut berkaitan dengan kesan perubahan persekitaran terhadap sesebuah organisasi perniagaan.
 - a) Jelaskan trend persekitaran tersebut. [6 markah]
 - b) Terangkan dua gaya pengurusan yang mempengaruhi trend persekitaran perniagaan. [4 markah]
7. Maklumat berikut menunjukkan beberapa akta di Malaysia.
 - Akta Kontrak 1950**
 - Akta Pesaingan 2010**
 - Akta Hak Cipta 1987**
 - a) Jelaskan kesan kepada perniagaan atas penggubalan undang-undang tersebut. [8 markah]

BAB 3 : PENETAPAN VISI, MISI DAN OBJEKTIF PERNIAGAAN

8. Maklumat di bawah berkaitan dengan suatu jenis perniagaan.

Syarikat Qieda Sdn. Bhd merupakan pengeluar produk makanan viral. Durian Crepe menyasarkan pengeluaran sebanyak 600,000 keping Durian Crepe pada tahun 2022. Pada tahun 2021, sebanyak RM 250, 000 keping Durian Crepe telah berjaya dijual.

Terangkan ciri-ciri objektif yang telah dicapai oleh Syarikat Qieda Sdn. Bhd
[6 markah]


9. Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah organisasi.

Syarikat Hud Hud Sdn Bhd merupakan pengeluar perabot jati berkualiti tinggi berjenama Hud Hud yang baru ditubuhkan dengan modal berbayar sebanyak RM 10 juta. Syarikat mempunyai sebuah kilang dengan bilangan pekerja seramai 30 orang. Encik Amin merupakan pengurus besar syarikat telah memberitahu kepada para pemegang saham bahawa syarikat berhasrat menjadi pengeluar perabot jati terunggul di Asia Tenggara dalam tempoh 4 tahun. Syarikat akan meningkatkan jumlah pengeluaran yang mampu menembusi pasaran antarabangsa pada tahun hadapan

Jelaskan tujuan visi, misi dan objektif bagi Syarikat Hud Hud. [4 markah]

BAB 4 : BAHAGIAN-BAHAGIAN FUNGSIAN UTAMA DALAM ORGANISASI PERNIAGAAN

10. Gambar berikut menunjukkan dua jenis pemilikan perniagaan.



- a) Huraikan perkaitan kedua-dua perniagaan berkenaan dengan organisasi luar.
[4 markah]
- b) Walaupun mempunyai saiz dan skala perniagan yang berbeza, kedua-dua perniagaan tersebut memiliki beberapa bahagian fungsian yang sama. Jelaskan. [5 markah]


11. Maklumat berikut berkaitan dengan En Hazim.

En. Hazim menyedari potensi yang cukup besar dalam industri menjual basikal pada masa kini. Beliau berhasrat membuka sebuah perniagaan menjual komponen basikal dan basikal lengkap di bandar Batu Pahat. Pada peringkat awal perancangan, beliau mendapatkan maklumat dan membuat tinjauan pasaran berkaitan perniagaan basikal daripada kedai menjual basikal sedia ada, pembekal dan pengeluar basikal serta agensi kewangan bagi tujuan mendapatkan sumber pembiayaan.

- a) Terangkan kepentingan interaksi yang telah diwujudkan oleh En Hazim terhadap organisasi luar semasa membuat perancangan perniagaan beliau. [4 markah]

- b) Huraikan perkaitan interaksi yang boleh wujud antara perniagaan En. Hazim dengan pembekal dan pengeluar basikal dalam bahagian fungsian jualan, bahagian fungsian kewangan dan bahagian fungsian khidmat pelanggan. [5 markah]

12. Gambar di bawah ini berkaitan dengan suatu produk



Terangkan proses kawalan yang dilaksanakan oleh Encik John, pengurus pengeluaran untuk memastikan keluaran syarikat memenuhi piawaian yang ditetapkan.

[6 markah]

BAB 5 : PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

FASHION LOVER ENTERPRISE
JAWATAN KOSONG
PROMOTER (DUA KEKOSONGAN)
CITY PLAZA, JOHOR BAHRU

Tugas & Tanggungjawab:

- Bertugas di barisan hadapan.
- Berusaha untuk meningkatkan imej syarikat.
- Menarik minat pelanggan dan mempromosi produk melalui demonstrasi, memberi penerangan tentang maklumat produk, serta memberi bantuan teknikal.
- Berusaha meningkatkan jualan produk.
- Memastikan susun atur dan pameran produk adalah betul dan tepat demi menarik minat pelanggan.

Ganjaran & Faedah:

- Gaji pokok + eluan kedatangan = RM1 300.
- Caruman KWSP & PERKESO.
- Komisen jualan.
- Cuti tahunan, cuti sakit, cuti kecemasan, dan sebagainya.
- Eluan perubatan dan rawatan.
- Diskaun khas pembelian produk untuk kakitangan.

Kelayakan:

- Wanita.
- Warganegara Malaysia.
- Berumur 18 tahun hingga 35 tahun.
- Kelayakan akademik minimum SPM.
- Mempunyai pengalaman dalam bidang berkaitan diberi keutamaan.
- Boleh memandu dan mempunyai lesen memandu B2/D.
- Boleh bekerja mengikut syif/hujung minggu/cuti umum.
- Rajin dan sanggup bekerja lebih masa.

E-MEL RESUME KE:
chongjc@gmail.com tancc@gmail.com
ATAU HUBUNGI:
016-6881688 (Cik Chong) 012-2998818 (Encik Ian)

8. Berdasarkan situasi di atas, jawab soalan-soalan yang berikut:

- a) i) Apakah maksud penggajian? [2 markah]
- ii) Terangkan empat tujuan penggajian yang dilaksanakan oleh Fashion Lover Enterprise [4 markah]
- iii) Terangkan empat kepentingan penggajian yang dilaksanakan oleh Fashion Lover Enterprise [4 markah]
- b) Huraikan lima jenis faedah yang ditawarkan oleh Fashion Lover Enterprise kepada bakal pekerja. [10 markah]

BAB 6 : PENGURUSAN SUMBER FIZIKAL DAN TEKNOLOGI

9.

Cik Alia seorang komposer lagu. Beliau mempunyai Ijazah Sarjana Muda muzik daripada Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA). Beliau dikenali ramai kerana berjaya menghasilkan pelbagai lirik lagu untuk artis-artis terkenal di Malaysia dan menggunakan nama penanya C A. Cik Alia mengubah dan mencipta pelbagai genre lagu seperti klasik, pop dan rock untuk menjadi halwa telinga masyarakat tempatan.

Cik Alia dan rakan kongsinya, Encik Shahrul menubuhkan sebuah syarikat rakaman, iaitu Melody Music dengan menyewa sebuah lot kedai di Puncak Alam. Selain menjadi komposer, Cik Alia juga mengajar kelas bimbingan vokal untuk semua peringkat umur.

Untuk mengasah bakatnya ke arah yang lebih tinggi, Cik Alia sering mengikuti kursus-kursus jangka pendek yang dianjurkan oleh ASWARA dan UiTM. Selain itu Cik Alia juga bekerjasama dengan pihak NGO untuk mengadakan bengkel bagi memberi pendedahan kepada masyarakat tentang kerjaya sebagai seorang komposer dan hal berkaitan dengan bidang kewangan.

- a) Huraikan sumber fizikal yang terdapat di Syarikat Melody Music. [5 markah]
- b) Jelaskan sumber teknologi dalam menghasilkan karya muzik. [6 Markah]
- c) Nyatakan prosedur pengurusan sumber teknologi yang diperlukan dalam penghasilan karya muzik. [5 Markah]
- d) Sekiranya anda ialah Cik Alia, apakah yang akan anda lakukan untuk memastikan syarikat Melody Music berada dalam keadaan selamat dan bebas daripada sebarang risiko? [4 Markah]

BAB 7 : SUMBER PEMBIAYAAN PERNIAGAAN

10. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan suatu perniagaan.



Nama pemilik: Puan Amira
Tahun memulakan perniagaan : 2017
Modal permulaan: RM 50 000

Simpanan peribadi dalam akaun simpanan: RM 35 000
Simpanan keuntungan perniagaan terkumpul dalam akaun semasa: RM 80 000

- a) Nyatakan **empat** jenis modal yang diperlukan oleh perniagaan yang dikendalikan oleh Puan Amira. [4 markah]
- b) Pada tahun ini , Puan Amira bercadang untuk membesarkan operasi perniagaan dengan membeli peralatan baharu dan menambahkan bilangan pekerja. Beliau memerlukan modal tambahan yang dianggarkan sebanyak RM 120 000. Jelaskan sumber pembiayaan yang boleh digunakan oleh beliau. [6 markah]

BAB 8 : PENYATA KEWANGAN PERNIAGAAN

11. Jawab soalan yang berikut berdasarkan kes di bawah.

Ramlan dan Hamid merupakan dua orang sahabat baik yang menjalankan perniagaan dalam industri yang sama iaitu perniagaan alat ganti kereta. Mereka sering bertukar-tukar pendapat dan berkongsi idea dalam menjalankan perniagaan tersebut.

Ramlan merupakan graduan daripada Universiti Teknologi Malaysia dalam jurusan automotif. Setelah tamat pengajian, beliau telah bekerja selama tiga tahun di PROTON Holdings Berhad sebagai Pengurus Dinamik Kenderaan. Tugasnya ialah memastikan kerosakan kenderaan dapat diselenggara dan dibaiki dalam masa yang sesuai dan tepat. Setelah yakin dengan kemampuannya, beliau telah membuka Syarikat JCL Berhad bagi mencapai cita-citanya dalam bidang keusahawanan automotif.

Manakala Hamid pula mengambil alih perniagaan bapanya iaitu Syarikat HQL Berhad setelah beliau menamatkan Diploma Automotif di Kolej Vokasional Lebuh Cator, Ipoh. Berbekalkan kemahiran beliau membantu ayahnya di bengkel serta kelayakan akademik, beliau berjaya meneruskan perniagaan tersebut.

Walaupun mereka menjalankan perniagaan dalam industri yang sama, mereka tidak pernah bermusuhan. Malah, mereka sering berbincang tentang strategi yang sesuai bagi meningkatkan pendapatan perniagaan masing-masing. Berikut adalah butiran yang berkaitan dengan syarikat mereka.

Butiran Aset Semasa dan Liabiliti Semasa	Syarikat JCL Bhd (RM)	Syarikat HQL Bhd (RM)
Tunai di bank	1 000	1 500
Penghutang	500	400
Stok	100	100
Pembiayaan	2 000	1 500

Oleh kerana pandemik Covid 19 yang sedang melanda di seluruh dunia, perniagaan mereka turut terjejas dan ini memberikan kesan terhadap keuntungan perniagaan mereka yang dinyatakan dalam penyata kewangan masing-masing.

- a) Kirakan nisbah semasa bagi kedua-dua syarikat. [5 markah]
- b) Apakah yang dimaksudkan dengan [4 markah]
- i) Aset semasa
 - ii) Liabiliti semasa

- c) Cadangkan cara yang boleh Ramlan dan Hamid lakukan untuk meningkatkan operasi perniagaan yang berprestasi rendah. [4 markah]
- d) Huraikan dua pihak yang berkepentingan kepada penyata kewangan sesebuah perniagaan. [4 markah]
- e) Sekiranya anda ingin melabur wang anda, syarikat manakah yang anda akan pilih? Mengapa? [3 markah]

BAB 9 : PERSEDIAAN MENJADI USAHAWAN

12. Jawab soalan berikut berdasarkan kes di bawah.

Encik Daud ialah pemilik Kedai Dobi Kiki. Perniagaan Kedai Dobi Kiki telah beroperasi hampir 3 tahun. Beliau memulakan perniagaan ini menggunakan wang simpanan peribadi. Beliau mengambil masa yang begitu lama untuk membuka kedai dobi ini. Ketabahan beliau akhirnya membawakan hasil dan berjaya membuka kedai dobi ini walaupun persaingan cukup hebat di kawasan setempat pada permulaan perniagaan,

Kedai Dobi Kiki kurang mendapat sambutan dalam kalangan penduduk setempat. Encik Daud sentiasa berfikiran positif dan beliau berjaya mengubah kedai dobinya menjadi sebuah tempat yang menarik minat pelanggan ke kedainya. Kelainan yang ada di Kedai Dobi Kiki membuatkan pelanggan begitu selesa. Kedai Dobi Kiki turut menyediakan kafe, akses wi-fi, dan tayangan filem agar pelanggan tidak berasa jemu sementara menunggu pakaian siap dibasuh.

Encik Daud mengambil beberapa orang pekerja untuk membantu menguruskan kedainya. Pada masa yang sama, Encik Daud memberi tunjuk ajar kepada pekerjanya. Pekerjanya amat menyukai sikap yang ada pada Encik Daud yang tidak terburu-buru mengambil tindakan jika berlaku sebarang masalah tetapi lebih gemar mencari punca dan seterusnya menyelesaikan masalah yang dihadapi. Melalui penggunaan teknologi yang moden, Encik Daud bijak mencuri peluang dengan mempromosikan perniagaan beliau di media sosial.

- a) Nyatakan **lima** faktor yang menyumbang kepada permulaan perniagaan? [5 markah]
- b) Jelaskan **lima** ciri keperibadian yang dipamerkan oleh Encik Daud. [10 markah]
- c) Pada pendapat anda, bagaimanakah seorang pengurus dapat meningkatkan tahap motivasi pekerjanya? [5 markah]

BAB 10 : PERSEDIAAN MEMULAKAN PERNIAGAAN

13. Merujuk kepada dokumen di bawah, jawab soalan-soalan berikut.

Syarikat Melati Enterprise XXXX Bagi Tiga Bulan Berakhir 31 Mac 2018			
	Jan RM	Feb RM	Mac RM
Baki b/b	150,000	A	145,900
PENERIMAAN			
Jualan Tunai	80,000	B	110,000
Pinjaman	10,000	20,000	-
Jumlah Penerimaan	90,000	120,000	C
PEMBAYARAN			
Kos Jualan	80,000	70,000	95,000
Gaji	D	16,000	13,000
Perbelanjaan Sewa	2,500	2,500	2,500
Faedah	1,900	E	700
Pembelian Aset	25,000	500	-
Jumlah Pembayaran	124,400	89,700	F
Lebihan / (kurangan)	(34,400)	G	(1,200)
Baki h/b	H	145,900	144,700

- a) Apakah nama dokumen di atas. [1 markah]
- b) Berdasarkan butiran dalam **XXXX** bagi Syarikat Melati Enterprise yang dinyatakan dalam jadual di atas. Kirakan nilai tersebut. [6 markah]
- c) Berikan tiga kegunaan **XXXX** bagi sesebuah perniagaan. [3 markah]
- d) Berikan pendapat anda tentang prestasi kewangan di atas. [5 markah]

BAB 11 : MERANCANG PENGENDALIAN PERNIAGAAN

14. Gambar menunjukkan perbualan antara Encik Hamzah dengan Encik Zahil berkaitan dengan rancangan perniagaan.



- a) Bagaimakah rancangan perniagaan boleh membantu Encik Hamzah semasa menjalankan pernaigaan? [4 markah]

b) Mengapakah sesebuah organisasi perniagaan perlu menyediakan sesebuah rancangan perniagaan? [6 markah]

15.

Encik Saiful adalah seorang peniaga laksa Johor di Pasir Gudang sejak 8 tahun yang lepas. Kedai yang diberi nama “Laksa Terpaling” mendapat sambutan yang menggalakkan dan terkenal di kalangan masyarakat Johor. Warisan resepi turun temurun yang dimiliki merupakan salah satu faktor kejayaan beliau dalam mengusahakan perniagaan laksa. Beliau bercadang untuk mengembangkan perniagaannya dalam masa 2 tahun akan datang ke seluruh Malaysia dengan menggunakan jenama “Laksa Terpaling”. Beliau berhasrat untuk memberikan hak menggunakan jenama dan format perniagaannya kepada mereka yang berminat mengikut syarat yang telah ditetapkan.

Sebagai individu yang memiliki hak asal atas jenama produk "Laksa Terpaling", Encik Saiful mempunyai hak untuk memastikan perniagaan akan dikendalikan mengikut sistem yang telah ditetapkan olehnya. Beliau juga akan memberi bantuan khidmat latihan dan membiayai kos promosi kepada peniaga yang membeli hak kebenaran untuk menggunakan jenama "Laksa Terpaling". Laksa beliau telah menarik minat seorang pesara guru, Cikgu Harun untuk memulakan perniagaan "Laksa Terpaling". Encik Saiful bersedia memberikan penerangan kepada Cikgu Harun tentang perniagaan "Laksa Terpaling".

tan dengan sebuah perniagaan.

- a) Jelaskan bentuk perniagaan di awal penubuhannya. (5 markah)
b) Bagaimanakah En. Saiful menguruskan sumber teknologi perniagaannya. (4 markah)

- c) Cikgu Harun berminat untuk memulakan perniagaan “Laksa Terpaling”. Berikan pendapat anda (6 markah)

- Menguasai 50% syer pasaran bagi produk tudung bawal
- Mencapai sasaran jualan sekurang-kurangnya 10 000 helai tudung bawal dalam masa sebulan.

16. Maklumat di bawah berkaitan dengan visi,misi dan objektif sebuah perniagaan.

- a) Terangkan ciri-ciri yang menepati objektif syarikat yang baik. (8 markah)
- b) Mengapakah syarikat perlu menetapkan objektif untuk perniagaan tersebut? (3 markah)
- c) Terangkan strategi pemasaran yang dapat membantu perniagaan mencapai objektif tersebut. (4 markah)


17. Maklumat berikut berkaitan sebuah perniagaan.

Perniagaan Juzz Sedap telah beroperasi sejak tahun 2000 di Alor Gajah. Juzz Sedap menghasilkan pelbagai minuman jus dari buah-buahan tempatan berkualiti yang didapati dari pembekal buah-buahan di sekitar Alor Gajah. Produknya mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pengguna. Juzz Sedap juga menjalankan perniagaannya secara dalam talian. Namun, sejak 2 tahun kebelakangan ini, permintaan terhadap jus telah berkurangan. Juzz Sedap juga sering mengalami masalah ketidakcekapan dan kekurangan pekerja terutama di bahagian pemasaran. Pengeluaran jus juga seringkali tergendala akibat kerosakan mesin yang kerap kali

akan yang boleh dilakukan oleh Juzz Sedap untuk mengatasi masalah pekerjanya. (5 markah)

- b) Berikan cadangan untuk memastikan pengeluaran bekalan jus buah-buahan sentiasa ada. (6 markah)
- c) Jelaskan peranan rakan strategik niaga dalam membantu perniagaan Juzz Sedap. (4 markah)

PANDUAN PEMARKAHAN MODUL CEMERLANG



KUMPULAN SEDERHANA

BAB 1 : TUJUAN PERNIAGAAN DAN PEMILIKAN PERNIAGAAN

1. a) Nyatakan ciri-ciri Syarikat Awam Berhad [4 markah]
- b) Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Sinar Sdn. Bhd.

Bilangan Pekerja tetap	Jumlah Jualan tahunan	Pasaran Produk	Visi Perniagaan
100 orang	RM18 juta	Melaka,Johor, Perak,Selangor	“Menjadi pengeluar sos cili halal terkemuka di Malaysia”

Terangkan saiz dan skala Syarikat Sinar Sdn. Bhd ? [6 markah]

BAB 2 : TREND SEMASA DALAM PERNIAGAAN

2. Terangkan tiga jenis pelepasan cukai yang diberikan oleh kerajaan kepada peniaga tempatan [6 markah]

BAB 3 : PENETAPAN VISI, MISI DAN OBJEKTIF PERNIAGAAN

3. a) Jelaskan maksud visi, misi dan objektif perniagaan [3 markah]
- b) Nyatakan ciri – ciri objektif mengikut konsep SMART [6 markah]

‘Mencapai keuntungan 15 % pada setiap tahun’

c) Apakah ciri SMART berdasarkan objektif di atas [2 markah]

BAB 4 : BAHAGIAN-BAHAGIAN FUNGSIAN UTAMA DALAM ORGANISASI PERNIAGAAN

4. Maklumat di bawah berkaitan dengan Encik Arif.

Kilang batik Sri Cahaya, Kota Bharu Kelantan dimiliki oleh Encik Arif terkenal dengan penghasilan pelbagai motif batik yang berkONSEPAN tumbuhan semulajadi. Hasil batiknya di pamerkan di kilang dan dijual untuk pasaran tempatan dan antarabangsa. Pelbagai kaedah dilakukan untuk melaRISKAN jualan batiknya, antaranya jualan penghabisan stok hujung tahun dengan menawarkan diskaun sehingga 70% yang telah diumumkan kepada pelanggan melalui Radio Manis FM, Kota Bharu dan edaran risalah.

ti pemasaran sangat penting dalam menjana keuntungan sesebuah perniagaan.

Nyatakan maksud pemasaran? [2 markah]

- b) Jelaskan strategi pemasaran yang terlibat berdasarkan situasi di atas. [3 markah]
5. Pernyataan berikut berkaitan dengan perniagaan Syarikat Mukminah

Syarikat Mukminah merancang untuk mengeluarkan Tempoyak Petai Kak Mukminah secara besar-besaran. Puan Naimah, pengurus pemasaran diminta untuk merancang campuran pemasaran bagi produk tersebut. Dalam masa yang sama, Syarikat Mukminah menghadapi masalah kekurangan modal dan tiada peningkatan dalam kualiti produknya. Untuk mengatasi masalah tersebut, Syarikat Mukminah menyediakan Rancangan Perniagaan untuk memohon pinjaman daripada pihak bank.

- a) Jelaskan elemen campuran pemasaran bagi produk Tempoyak Petai Kak Mukminah [4 markah]
- b) Bagaimakah bahagian fungsian penyelidikan dan pembangunan (R&D) dapat membantu bahagian fungsian pemasaran? [6 markah]

BAB 5 : PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

6. Pada pendapat anda, bagaimakah seseorang pengurus sumber manusia dapat meningkatkan tahap motivasi pekerjanya [4 markah]

BAB 6 : PENGURUSAN SUMBER FIZIKAL DAN TEKNOLOGI

7. Puan Khaleedah menubuhkan sebuah syarikat penerbitan di Kuala Lumpur. Syarikatnya menghasilkan dokumentari tentang masyarakat majmuk yang terdapat di Malaysia. Setelah siap sesebuah dokumentari yang dihasilkan, beliau akan mendapatkan perlindungan hak cipta terpelihara.
- a) Mengapa Puan Khaleedah mendapatkan perlindungan hak cipta untuk setiap dokumentari tersebut? [4 markah]
- b) Sekiranya anda seorang pengguna yang bijak, apakah tindakan yang akan anda lakukan untuk membantu Puan Khaleedah dan syarikatnya? [6 markah]

BAB 7 : SUMBER PEMBIAYAAN PERNIAGAAN

8. Berdasarkan perbualan di bawah, jawab soalan-soalan yang berikut:

Helmi : Saya ingin memulakan perniagaan kecil –kecilan menjual beg, bagaimana mendapatkan modalnya?

Helmi : Saya cadangkan kita mula menabung dari sekarang. Kita ada hampir dua tahun lagi sebelum SPM. Kita baru sahaja bermula sesi tingkatan 4. Saya pasti kita sempat mengumpul modal yang kita perlukan.

Airyen : Saya setuju. Lagipun duit ‘ang pow’ yang baru saya terima sudah RM480.

Helmi : Saya berjanji akan mengumpulkan wang

- Apakah sumber pembiayaan yang dicadangkan oleh kedua-dua orang kawan baik di atas? [2 markah]
- Jelaskan kelebihan sumber pembiayaan yang dicadangkan di (a) [4 markah]
- Mengapa Airyen dan Helmi terpaksa menggunakan cara yang dinyatakan untuk mendapatkan modal bagi perniagaan kecil mereka itu? [4 markah]

BAB 8 : PENYATA KEWANGAN PERNIAGAAN

9. a) Jadual di bawah menunjukkan maklumat kewangan bagi Syarikat Sivaliam Sdn Bhd

Butir	RM
Aset semasa	25 000
Aset bukan semasa	34 000
Liabiliti semasa	7 000
Jualan	58 700
Kos jualan	39 800
Untung kasar	18 900

- Kirakan peratusan untung tokokan bagi syarikat tersebut [3 markah]
 - Jelaskan peranan pengiraan jawapan di 9 (a) (i) [2 markah]
- b) Maklumat di bawah berkaitan dengan penyata kewangan.

	RM	RM
Aset Bukan Semasa		
Kenderaan		60000
Perabot		15000
		75000
Aset Semasa		
Inventori	15000	
Penghutang	9000	
Bank	15000	
Tunai	5000	
	44000	

- i) Namakan penyata kewangan di atas [1 markah]
ii) Mengapakah dokumen di 9 (b) (i) penting kapada usahawan? [4 markah]

10. Maklumat berikut berkaitan dengan Analisis Nisbah Asas dua buah syarikat yang menjalankan perniagaan menjual tudung berjenama.

Perkara	Mariam Sdn. Bhd (RM)	Dalila Sdn. Bhd (RM)
Kos jualan	144,600	125,500
Untung bersih	105,500	86,600
Modal awal	198,800	184,400
Liabiliti semasa	10,600	11,100
Aset semasa	14,100	13,100

- a) Syarikat manakah yang mencapai prestasi yang baik dalam perniagaan.
Beri alasan anda. [7 markah]
- b) Cadangkan cara yang boleh anda lakukan untuk meningkatkan operasi perniagaan yang berprestasi rendah. [8 markah]

11. Jadual di bawah menunjukkan maklumat yang dipetik dari penyata kedudukan kewangan dua buah perniagaan pakaian

Butiran	Pan Global Textile	Fira Boutique & Fashion
Aset Semasa	105 000	80 000
Ekuiti Pemilik	120 000	108 000
Liabiliti Semasa	25 000	17 000
Aset Bukan Semasa	90 000	70 000
Liabiliti Bukan Semasa	50 000	25 000

- a) Jelaskan konsep Nisbah Kecairan. [3 markah]
- b) Hitungkan Nisbah Semasa perniagaan Pan Global Textile dan Fira Boutique & Fashion [6 markah]
- c) Bandingkan prestasi Nisbah Semasa bagi kedua-dua perniagaan tersebut.
Berikan ulasan anda. [6 markah]

BAB 9 : PERSEDIAAN MENJADI USAHAWAN

12. a) Kawan anda ingin memulakan perniagaan menghasilkan kuih bahulu untuk pasaran tempatan. Terangkan **dua** kepentingan modal kepada peniagaan kawan anda.

[4 markah]

- b) Bagaimanakah kemahiran dalam penggunaan teknologi maklumat membolehkan usahawan berjaya dalam sesuatu perniagaan yang diceburinya. [6 markah]

BAB 10 : PERSEDIAAN MEMULAKAN PERNIAGAAN

13. Petikan dari keratan akhbar berikut berkaitan dengan pendaftaran perniagaan.

Melaka 28 Mei : Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) akan mewajibkan semua peniaga dalam talian yang menjalankan perniagaan melalui pasaran dalam internet atau menerusi syarikat e-dagang seperti Lazada, berdaftar dengan SSM dalam tempoh enam bulan akan datang.

Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Datuk Zahrah Abd Wahab Fenner berkata langkah berkenaan yang turut menepati Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, bertujuan melindungi pengguna daripada ditipu selain memberi jaminan kepada pembeli.


- a) Pada pendapat anda, apakah faedah kepada peniaga dan pengguna berikut arahan dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di atas? [8 markah]
- b) Jelaskan tanggungjawab yang perlu di patuhi oleh ushawan setelah pendaftaran perniagaan mereka diluluskan oleh suruhanjaya berkenaan [7markah]

BAB 11 : MERANCANG PENGENDALIAN PERNIAGAAN

14. a) Andaikan anda seorang pemilik syarikat, antara maklumat yang perlu anda masukkan dalam sesebuah rancangan perniagaan ? [4 markah]
- b) Jelaskan tiga pihak yang berkepentingan yang memerlukan rancangan perniagaan tersebut. [6 markah]

PANDUAN PEMARKAHAN MODUL SEDERHANA

SCAN ME



KUMPULAN HARAPAN

BAB 1 : TUJUAN PERNIAGAAN DAN PEMILIKAN PERNIAGAAN

1. a) Bagi sesebuah perniagaan, keuntungan sangat penting dan merupakan objektif utama perniagaan. Jelaskan kepentingan keuntungan dalam perniagaan.

[4 markah]

- b) Gambar berikut berkaitan dengan suatu bentuk-bentuk lain perniagaan



- i) Jelaskan tiga ciri-ciri perniagaan tersebut. [3 markah]
ii) Apakah kelebihan perniagaan tersebut? [3 markah]

BAB 2 : TREND SEMASA DALAM PERNIAGAAN

2. Lengkapkan pernyataan di bawah berkaitan peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam membantu perkembangan perniagaan. [8 markah]

Peranan
PBT

1. Menangani isu _____
2. Memastikan kawasan pentadbirannya berada dalam keadaan _____
3. Merancang pembangunan dalam keadaan _____ dan _____ dengan masyarakat setempat
4. Menyediakan kemudahan _____
5. Mewujudkan pusat-pusat _____ atau _____ seperti pasar dan gerai
6. Melaksanakan tanggungjawab _____ seperti pembangunan kemudahan awam

BAB 3 : PENETAPAN VISI, MISI DAN OBJEKTIF PERNIAGAAN

3. a) Apakah maksud titik pulang modal? [4 markah]
b) Jelaskan kepentingan titik pulang modal kepada perniagaan. [6 markah]

BAB 4 : BAHAGIAN-BAHAGIAN FUNGSIAN UTAMA DALAM ORGANISASI PERNIAGAAN

4. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis bahagian fungsian sebuah syarikat.

Dr. Shukri telah Berjaya mencipta sejenis krim anti penuaan berasaskan bahan semulajadi, ‘Putri’. Setelah menjalani beberapa tahap ujian, didapati krim tersebut dapat mengurangkan kedutan muka sehingga 50%. Baru-baru ini krim anti penuaan. ‘Putri’ mendapat pengiktirafan Anugerah Ciptaan Terbaik daripada sebuah badan penganugerahan antarabangsa. Kejayaan ini mendorong Dr. Shukri mencipta lebih banyak formulasi baru

- a) Apakah bahagian fungsian yang terlibat ? [1 markah]
b) Jelaskan tujuan bahagian fungsian tersebut diwujudkan. [5 markah]
5. Datin Seri Saadiah merupakan seorang bekas pengurus di sebuah syarikat. Setelah berhenti dari pekerjaannya, beliau bercadang ingin membuka perniagaan seperti dalam rajah berikut



- a) Cadangkan tiga bahagian fungsian yang paling sesuai diwujudkan oleh Datin Seri Saadiah bagi memastikan matlamat perniagaan beliau tercapai. [3 markah]
- b) Jelaskan dua tujuan setiap bahagian dalam organisasi perniagaan yang dicadangkan. [6 markah]
- c) Jelaskan peranan fungsian pembelian dan pengeluaran dalam sesebuah perniagaan [5 markah]

BAB 5 : PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

6. a) Terangkan maksud pengurusan sumber manusia. [3 markah]
- b) Nyatakan kepentingan pengurusan sumber manusia dalam sesebuah organisasi perniagaan. [4 markah]
- c) Pada pendapat anda, bagaimakah seseorang pengurus sumber manusia dapat meningkatkan tahap motivasi pekerjanya. [4 markah]


BAB 6 : PENGURUSAN SUMBER FIZIKAL DAN TEKNOLOGI

7. a) Nyatakan enam sumber fizikal yang terdapat dalam sesebuah perniagaan. [6 markah]
- b) Mengapa sesebuah perniagaan perlu mengurus sumber fizikal? [2 markah]
- c) Bagaimakah sesebuah organisasi perniagaan menguruskan sumber fizikal yang dimilikinya? [2 Markah]

BAB 7 : SUMBER PEMBIAYAAN PERNIAGAAN

8. a) Terdapat banyakyang boleh digunakan untuk mendapatkan sumber pembiayaan
- b) Sumbertidak akan memerlukan apa-apa prosedur secara umum tetapi memerlukan disiplin diri untuk mengenepikan wang bagi tujuan perniagaan
- c) Pembiayaansama ada dari bank atau institusi kewangan dan agensi kerajaan memerlukan peniaga mengemukakantertentu.
- d) Antara panduan yang boleh digunakan ialah:
- i. Menyediakanperniagaan
 - ii. Mendapatkan khidmat.....daripada pegawai yang berkenaan
 - iii. Menyediakanyang diperlukan untuk membuat permohonan
 - iv. Membuatdengan mengenepilkan dokumen yang lengkap
 - v. Menunggu permohonan yang
 - vi. Mencarilain sekiranya permohonan tidak diluluskan

- vii. Sekiranya permohonan tidak diluluskan , peniaga perlu mencari..... lain. contohnya , sekiranya bank tidak meluluskan pinjaman, peniaga boleh mencari agensi kerajaan seperti Syarikat Jaminan Kredit Malaysia untuk memberi agar bank memberikan pinjaman.
- viii. Sumber pembiayaan ini dapat dibahagikan kepada sumber Dan sumber
- ix. Sumber pembiayaan tersebut ialah:



BAB 8 : PENYATA KEWANGAN PERNIAGAAN

9. Maklumat berikut adalah berkaitan dengan penyata pendapatan yang disediakan oleh Perniagaan Elektrik Ashraf Enterprise.

	Perniagaan Elektrik Ashraf Enterprise	Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019	
	RM	RM	
A			89 300
Tolak : Kos Jualan		32 000	
Stok Awal	57 000		
Tambah : B	89 000		
	7 500		
Tambah : Angkutan masuk	96 500		
Kos barang untuk dijual	38 000	58 500	
Tolak : Stok Akhir			30 800
C			

- a) Apakah butiran **A**, **B** dan **C**? [3 markah]
- b) Mengapakah kunci kira-kira penting kepada usahawan? [3 markah]
- c) Nyatakan dua butiran yang terdapat dalam Penyata Kunci Kira-kira. [2 markah]
- d) Berikan dua kegunaan Penyata Kunci Kira-kira kepada pihak pengurusan.[2 markah]

BAB 9 : PERSEDIAAN MENJADI USAHAWAN

10. a) Nyatakan **tiga** faedah kerjaya dalam bidang perniagaan kepada matlamat peribadi seseorang usahawan. [3 markah]
- b) Terangkan **empat** objektif perniagaan yang menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan negara. [4 markah]
- c) Nyatakan **tiga** keberuntungan perniagaan kepada usahawan. [3 markah]

BAB 10 : PERSEDIAAN MEMULAKAN PERNIAGAAN

11. a) Senaraikan prosedur mendaftar perniagaan milikan tunggal. [4 markah]
- b) Maklumat di bawah berkaitan sebuah perniagaan

Puan Suhaini ingin membuka sebuah kedai cenderahati berhampiran dengan kawasan perumahannya

Jelaskan prosedur pendaftaran untuk membuka kedai cenderahati tersebut. [6 markah]

BAB 11 : MERANCANG PENGENDALIAN PERNIAGAAN

12. a) Jelaskan maksud rancangan perniagaan? [2 markah]
- b) Jelaskan kepentingan menyediakan rancangan perniagaan dalam sebuah perniagaan yang dipilih? [4 markah]
- c) Jelaskan elemen-elemen berikut yang terdapat dalam satu rancangan perniagaan
 - i) Objektif projek [2 markah]
 - ii) Rancangan pentadbiran [2 markah]

PANDUAN PEMARKAHAN MODUL HARAPAN



SOALAN OBJEKTIF

1. Pernyataan manakah menerangkan tujuan utama sesebuah perniagaan dijalankan?
 - A. Membina imej perniagaan.
 - B. Membantu usahawan memperolehi keuntungan.
 - C. Menjaga kebajikan ahli
 - D. Menyahut cabaran kerajaan untuk menceburi bidang perniagaan.
2. Antara yang berikut,yang manakah merupakan ciri Perniagaan Aminah dan Rakan-rakan?
 - A. Mempunyai bilangan ahli seramai 50 orang
 - B. Modal tambahan dapat diperoleh dengan menerbitkan syer
Berikut merupakan tiga jenis cendawan yang dikeluarkan oleh Syarikat Good Mushroom dan nilai jualan yang diperolehi sepanjang 4 tahun.

Jenis	2015 RM	2016 RM	2017 RM	2018 RM
 Cendawan Tiram	45,000	60,000	65,000	55,000
 Cendawan Enoki	-	40,000	55,000	75,000
 Cendawan Butang	40,000	30,000	35,000	40,000

“*Cendawan enoki*” yang baru dihasilkan telah menarik minat pelanggan tempatan terutama pengusaha restoran dan peniaga luar negara. Syarikat Good Mushroom mencadangkan agar strategi pemasaran melibatkan aspek harga dan promosi sahaja diberi fokus untuk menembusi pasaran antarabangsa. Hal ini tidak dipersetujui oleh bahagian fungsi pengeluaran dan fungsian pengagihan.

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan berikut.

- Jelaskan jenis sumber pembiayaan berdasarkan kes di atas, [3 markah]
- Hitungkan unit pengeluaran untuk mencapai titik pulang modal (TPM). [4 markah]
- Jelaskan aspek pengurusan yang perlu diberi perhatian dalam mengatasi masalah yang dihadapi oleh Syarikat Good Mushroom. [4 markah]
- Terangkan **dua** ciri-ciri keusahawanan yang ada pada Encik Fathi. [4 markah]
- Wajarkah tindakan Encik Fathi untuk mengembangkan perniagaan ke luar negara dengan hanya menekankan aspek harga dan promosi sahaja. [5 markah]

Bahagian C : SET 2

[20 markah]

Soalan ini wajib dijawab.

Baca dengan teliti kes di bawah

Perniagaan Nasi Ayam Berlado Daus adalah perniagaan yang telah ditubuhkan setahun lalu. Resepi Nasi Ayam Berlado adalah resepi turun temurun keluarga. Bagi melindungi resepi keluarga pemilik perniagaan ini iaitu Encik Firdaus telah membuat pendaftaran CAP dagangan dan memiliki hak eksklusif dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) sejak perniagaan ini ditubuhkan.

Walaupun baharu bertapak dalam setahun namun dengan kuasa viral, Nasi Ayam Berlado Daus telah mula dikenali selepas tiga bulan perniagaannya dibuka iaitu di Kampung Sebatu, Sungai Rambai Melaka. Nama Nasi Ayam Berlado Daus telah menjadi sebutan di seluruh negara. Perniagaannya sering dikunjungi oleh penuggang-penunggang motorsikal yang tinggal di negeri yang lain. Perniagaan ini semakin kukuh dengan komitmen serta pengurusan yang baik oleh pengasas perniagaan ini yang merupakan pemegang ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan. Beliau sangat mementingkan kualiti dan kebersihan hidangan yang disediakan, dengan memastikan hanya menggunakan bahan-bahan yang segar terus dari pasar di samping memastikan kebersihan premis restoran yang sentiasa di pantau rapi.

Namun begitu Perniagaan Nasi Ayam Berlado Daus tidak terlepas dari menjadi mangsa cetak rompak. Resepi Nasi Ayam Berlado telah menjadi mangsa kerana terdapat nama Nasi Ayam yang sama di negeri Johor. Beliau menafikan menunjukkan bukti hanya terdapat satu sahaja perniagaan Nasi Ayam Berlado Daus iaitu yang terdapat di Kampung Sebatu Sungai Rambai.

Berdasarkan kes ini, jawab soalan-soalan yang berikut :

- (a) i. Nyatakan jenis perniagaan Nasi Ayam Berlado Daus [1 markah]
ii. Jelaskan dua kelebihan jenis milikan perniagaan di atas. [4 markah]
- (b) i. Apakah prosedur mengurus sumber teknologi tersebut [1 markah]
ii Terangkan mengenai sumber teknologi tersebut [3 markah]
iii Jelaskan 2 kaedah mengurus sumber teknologi dalam operasi perniagaan [2 markah]
- (c) Apakah bentuk perniagaan yang sesuai bagi Encik Firdaus untuk menambah cawangannya, nyatakan ciri-ciri perniagaan bentuk tersebut? [5 markah]
- (d) Jelaskan tiga bahagian fungsian yang terdapat dalam perniagaan Nasi Ayam Berlado Daus [5 markah]

Bahagian C : SET 3**[20 markah]****Soalan ini wajib dijawab.**

Syarikat Hana Bakery Enterprise ditubuhkan pada tahun 2015, yang dimiliki oleh Puan Rohana dan dibantu oleh suami dan anak-anaknya. Syarikat ini mempunyai pekerja tetap seramai 35 orang dan pekerja sambilan 15 orang terdiri daripada penduduk tempatan. Lokasi perniagaan Hana Bakery terletak di Parit Raja, Batu Pahat, Johor. Syarikat ini mengeluarkan produk industri kecil dan sederhana(IKS) seperti bakeri berjenama HANA BAKERY. Syarikat Hana Bakery Enterprise mengeluarkan pelbagai jenis bakeri. Pasaran utama produk syarikat adalah di sekitar Parit Raja Batu Pahat, Muar dan Kluang Johor. Pada peringkat awal penubuhan dan pemasaran Syarikat produk Hana Bakery telah mendapat sambutan dan tempahan daripada pelanggan. Jualan produk sangat menggalakkan semasa musim perayaan dan majlis perkahwinan atau keraian.

Berikut adalah data jualan tahunan syarikat dari tahun 2016-2021:

Tahun	Jualan tahunan (RM)
2016	750,000
2017	780,000
2018	850,000
2019	870,000
2020	871,000
2021	869,000

Sejak 3 tahun kebelakangan ini, jualan tahunan syarikat tidak menunjukkan peningkatan berbanding 3 tahun sebelumnya. Syarikat Hana Bakery Enterprise bercadang untuk berpindah ke lokasi yang baru di Pasir Gudang Johor bahru bagi meluaskan pasaran di seluruh negeri Johor bagi meningkatkan jualan syarikat. Oleh yang demikian syarikat bercadang untuk menambah baik struktur operasi dan pemasaran syarikat.

Pada awal penubuhan Syarikat Hana Bakery Enterprise menggunakan jentera dan mesin terpakai bagi menjalankan operasi pengeluaran produk. Sebahagian jentera dan mesin yang digunakan telah rosak dan perlu diselenggara, ini memerlukan kos yang tinggi. Sehubungan dari itu, syarikat memerlukan mesin baru bagi menjalankan operasi pengeluaran syarikat. Namun begitu, syarikat memerlukan sumber modal pembiayaan daripada pihak Maybank. Syarikat juga, bercadang untuk menambah barisan 3 produk bakeri yang baharu dan terkini mengikut permintaan dan kehendak pasaran. Syarikat telah menghantar beberapa pekerja menghadiri kursus pembuatan dan penghasilan produk bakeri anjuran MARA bagi meningkatkan kemahiran dalam pengeluaran

bakeri. Pihak syarikat juga menjalankan penyelidikan dan pembangunan produk baharu bagi meningkatkan kualiti. Syarikat juga akan menggunakan strategi pemasaran dan operasi terkini dengan mengaplikasi ICT. Syarikat menggunakan apliksasi media sosial seperti *facebook*, *twitter*, *youtube*, *Instagram* dan *tik-tok* sebagai strategi pemasaran terkini

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan berikut:

10. a) Terangkan tujuan utama penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) dalam perniagaan Syarikat Hana Bakery Enterprise? [4 markah]
- b) Jelaskan pembangunan produk HANA BAKERY dan pasaran baharu syarikat ? [3 markah]
- c) Terangkan prosedur menguruskan sumber fizikal yang perlu dilakukan oleh Syarikat Hana Bakery Enterprise? [4 markah]
- d) (i) Nyatakan satu jenis pembiayaan yang telah digunakan oleh Syarikat Hana Bakery Enterprise? [1 markah]
(ii) Huraikan jenis pembiayaan dalaman dan luaran yang sesuai untuk sesebuah perniagaan [4 markah]
- e) Terangkan prosedur untuk mendapatkan sumber pembiayaan perniagaan [4 markah]

Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan. Jawab **semua** soalan. Tiap-tiap soalan diikuti oleh **empat** pilihan jawapan yang berhuruf **A,B,C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja.


1. Maklumat berikut berkaitan dengan salah sebuah organisasi bukan bermotifkan untung (OBBU).

	Menyediakan bantuan perubatan serta barang keperluan harian apabila berlaku bencana alam seperti banjir kepada mangsa.
---	--

Apakah kaedah perniagaan yang digunakan oleh organisasi tersebut?

- A Secara Percuma
- B Jualan Pada Harga Kos
- C Secara bawah dari harga kos
- D Jualan Pada Harga di Bawah Kos


2. Rajah 1 berkaitan dengan sebuah bentuk pemilikan perniagaan.



Apakah kelebihan bentuk pemilikan tersebut?

- A Visi dan Misi yang sama
 - B Hayat perniagaan kekal berterusan
 - C Budaya dan cara pengurusan yang sama
 - D Mudah mendapatkan bahan mentah dan sumber lain
3. Antara berikut yang manakah merupakan aktiviti perniagaan yang dijalankan dalam sektor kedua.
- A Telekomunikasi
 - B Pengangkutan
 - C Pembekalan tenaga
 - D Perkhidmatan Awam
4. Berikut merupakan peranan kerajaan pusat dalam aspek perkembangan aktiviti perniagaan **kecuali**
- A Promosi
 - B Latihan dan pembangunan

- C Penggubalan undang-undang
 - D Penyelidikan dan pembangunan
5. Rajah 2 menunjukkan salah satu trend persekitaran perniagaan.



Rajah 2

Apakah tindakan yang perlu dilakukan untuk meningkatkan aktiviti perniagaan pada trend tersebut?

- A Menambahbaik produk sedia ada
 - B Meningkatkan kecekapan pengurusan
 - C Melakukan aktiviti promosi yang berkesan
 - D Membuat pengeluaran secara besar-besaran
6. Maklumat berikut berkaitan dengan faktor luaran yang mempengaruhi sesebuah perniagaan.

Melibatkan isu alam sekitar yang memberi kesan kepada perniagaan

Sumber semula jadi sedia ada yang terhad

Apakah faktor luaran tersebut?

- A Politik
 - B Ekologi
 - C Teknologi
 - D Sosiod budaya
7. Maklumat berikut berkaitan dengan faktor yang mempengaruhi sesebuah perniagaan.

Encik Zafran terpaksa menutup operasi kedai runcitnya sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP) mengikut arahan yang dikeluarkan oleh pihak Majlis Keselamatan Malaysia.

Apakah faktor yang mempengaruhi perniagaan tersebut?

- A Faktor Dalaman, Pengeluaran
- B Faktor Luaran, Sosiod budaya
- C Faktor Dalaman, Gaya Pengurusan
- D Faktor Luaran, Undang-undang

8. Maklumat berikut berkaitan dengan kesan perubahan persekitaran dari aspek undang-undang terhadap organisasi

Filem Mat Kilau arahan Shamsul Yusof telah ditayangkan di pawagam mulai 23 Jun 2022. Namun tayangan filem tersebut hanya boleh ditayangkan di saluran Netflix mulai 16 September 2022.

Apakah kesan perubahan yang wujud dari aspek undang-undang tersebut?


- A Melindungi perniagaan daripada sebarang penipuan
 - B Mewujudkan sistem perniagaan secara adil
 - C Melindungi hak semua pihak di dalam perniagaan
 - D Mewujudkan sistem persaingan secara saksama
9. Apakah kesan yang berlaku kepada perniagaan apabila tidak berjaya mencapai matlamat perniagan?
- A Tidak mampu bersaing
 - B Tidak menurunkan harga
 - C Tidak mengurangkan kos
 - D Tidak mempelbagaikan produk
10. Situasi berikut berkaitan ciri objektif perniagaan.

SOPHIA BAKERY INGIN MENGHASILKAN 1 JUTA KEK DALAM TEMPOH SETAHUN

Apakah ciri yang terlibat?

- A Spesifik
- B Munasabah
- C Boleh diukur
- D Boleh dicapai

11. Rajah menunjukkan bahagian fungsian.



Apakah X?

- A Pengurusan kewangan
- B Sumber manusia
- C Pentadbiran
- D Pemasaran

12. Situasi berikut berkaitan langkah pembangunan produk baharu.

Harsop Enterprise mengedarkan sabun keluaran mereka secara percuma bagi mendapatkan maklum balas sebelum sabun tersebut dijual kepada orang ramai.

Apakah langkah tersebut?

- A Komersialisasi
- B Ujian pemasaran
- C Pembangunan produk
- D Analisis perniagaan

13. Situasi berikut berkaitan proses komunikasi.

Puan Aishah memahami penerangan yang diberikan oleh pengurus operasi mengenai proses penghasilan produk.

Manakah berkaitan proses tersebut?

- A Enkod
- B Dekod
- C Penerima
- D Penghantar

14. Mengapakah pasaran baharu penting bagi sesebuah perniagaan?

- A Mencari pasaran ke kawasan yang belum diterokai
- B Mempengaruhi faktor perubahan persekitaran
- C Mengembangkan pasaran sedia ada
- D Menyertai rundingan yang aktif

15. Apakah peranan bahagian fungsian jualan?

- A Meningkatkan permintaan
- B Menyediakan sebut harga
- C Menukar input kepada output
- D Memastikan barang disimpan dengan baik

16. Apakah faktor yang dipertimbangkan oleh majikan untuk menentukan pembayaran gaji kepada perkerjanya?

- | | |
|---|---|
| I. Bilangan perkerja tetap | II. Jumlah produk yang dikeluarkan |
| III. Ganjaran yang dibayar oleh pesaing | IV. Peraturan dan undang-undang kerajaan. |

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

17. Antara berikut, yang manakah bukan faedah yang diberikan oleh majikan kepada seseorang pekerja?

- A Bonus tunai
- B Kemudahan penginapan
- C Gaji asas
- D Komisen

18. Encik Amin lewat datang kerja sebanyak dua kali. Apakah tindakan yang patut diambil oleh majikan?

- A Dipecat kerja
- B Amaran bertulis
- C Ditahan kenaikan gaji
- D Tiada kenaikan pangkat

19. Maklumat berikut berkaitan tentang kemahiran kebolehkerjaan.

Cik Amelia telah lama berkhidmat dengan syarikat penerbangan Malaysia Airlines (MAS). Beliau telah terlatih dan mempunyai banyak pengetahuan dalam deskripsi tugas. Kemahiran kebolehkerjaan ini, dapat memberi khidmat yang terbaik untuk syarikat penerbangan

Apakah kemahiran kebolehkerjaan yang ada pada Cik Amelia?

- A Berpengalaman
- B Kelayakan yang sesuai
- C Berpengalaman dalam industri tertentu
- D Berpengetahuan tentang perkhidmatan

20. Sumber fizikal sesebuah perniagaan terdiri daripada

- I Stok
- II Barang keperluan
- III Lesen
- IV Kilang dan mesin

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

21. Berikut adalah peranan sebuah agensi :

Memantau pembangunan harta intelektual (IP)
Mengalakkan lebih ramai orang menjadi pemilik harta intelek
Memberi nasihat dalam semakan semula dan mengemas kini perundangan harta intelek

- A MARA
B SSM
C MyIPO
D SIRIM
22. Berikut merupakan salah satu keperluan sumber teknologi yang diperlukan dalam sebuah perniagaan supaya produktiviti perniagaan semakin meningkat dan mengelak berlaku sebarang kesilapan semasa menjalankan tugas .
- A Harta intelek
B Lesen Perisian
C Peralatan teknologi maklumat dan komunikasi
D Kemahiran dan Pengalaman
23. Berikut merupakan karya – karya yang layak mendapat perlindungan berdasarkan Akta Hak Cipta 1987 :
- I. Filem Mat Kilau
II. Lagu Sekolahku Sejahtera
III. Resepi Daging Harimau
IV.Label Biskut Raya
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
24. Daneen frozen menjalankan perniagaan menjual makanan sejuk beku ,beliau mempunyai sumber fizikal dan teknologi bagi membantu menjalankan perniagaan. Nyatakan prosuder menguruskan sumber fizikal bagi risiko tersebut :
- Tuntutan liabiliti awam
 - Kehilangan wang oleh pekerja yang tidak amanah .
- A Saman
B Penyelengaraan dan baik pulih
C Amaran bertulis
D Perlindungan Insurans
25. Simpanan peribadi merupakan sumber asas yang diperlukan oleh usahawan, ia merupakan sumber pembiayaan
- A Luaran
B Pinjaman
C Sukarela
D Dalaman

26. Overdraf merupakan salah satu jenis pembiayaan yang disediakan oleh bank perdagangan kepada peniagaan yang mempunyai
- A Akaun Semasa
 - B Akaun Simpanan Tetap
 - C Akaun Simpanan
 - D Pinjaman
27. Pn Athalia seorang peniaga belacan di Melaka , mempunyai masalah kekurangan modal selepas menjalankan perniagaan selama 3 tahun , beliau mengambil keputusan untuk memohon pembiayaan luaran bagi mendapatkan modal tambahan dan beliau tertarik dengan sebuah agensi yang mengamalkan konsep ‘ pinjaman atas simpanan ’ . Agensi itu ialah
- A MOSTI
 - B CGC
 - C TEKUN
 - D MARA
28. En. Damian seorang peniaga telefon pintar tidak berjaya membuat pinjaman dari bank dan agensi kewangan apabila dia tidak menyertakan dokumen tersebut di dalam permohonan pembiayaannya .
- A Bil telefon
 - B Gambar lokasi kedai
 - C Lesen perniagaan
 - D Salinan resit bayaran sewa kedai
29. Agensi kerajaan sentiasa menjadi pilihan utama peniaga memohon pembiayaan luaran kerana
- A Mudah dikunjungi.
 - B Tidak perlu bersaing .
 - C Tidak memerlukan cagaran .
 - D Cepat dan ringkas .
30. Berikut mengenai Perniagaan Matahari yang menyediakan perkhidmatan pemasangan cucian. Perniagaan Matahari dimiliki oleh Pn Suria , beliau menyediakan perkhidmatan cucian kepada penduduk sekitar Melaka Tengah .
- Perniagaannya mengalami masalah kekurangan kenderaan untuk ke rumah pelanggan tetapi Pn. Suria juga tidak mempunyai tunai yang cukup untuk membeli kenderaan, jadi beliau membuat keputusan untuk membuat pembelian secara pembiayaan luaran dari bank dan institusi kewangan .
- Apakah jenis pembiayaan tersebut ?
- A Pajakan
 - B Gadaian
 - C Modal permulaan
 - D Sewa beli

31. Antara berikut, yang manakah kemahiran yang boleh membangunkan karakter diri seseorang usahawan?

- A Kemahiran mengurus stok
- B Kemahiran membuat keputusan
- C Kemahiran menetapkan visi
- D Kemahiran mengambil pekerja

32. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri keperibadian Puan Melur

Puan Melur mengusahakan produk kuih bulan yang halal bagi dipasarkan kepada pengguna muslim.

Apakah ciri keperibadian tersebut?

- A Kebolehan menentukan misi dan visi
- B Pandai mengambil peluang
- C Yakin diri dan optimistic
- D Komitmen yang tinggi

33. Gambar di bawah menunjukkan gambar sebuah kereta.



Apakah kategori barang tersebut?

- A Stok bergerak perlahan
- B Stok bergerak static
- C Stok bergerak pantas
- D Stok segera

34. Pernyataan berikut berkaitan dengan ciri-ciri lokasi yang sesuai.

Encik Zul membuka sebuah restoran Asam Pedas Istimewa di Bandar Melaka. Lokasi restorannya berhampiran dengan Terminal Bas Melaka Sentral. Restoran Asam Pedas Istimewa merupakan restoran tumpuan pelanggan khususnya pada waktu makan tengah hari.

Antara berikut, yang manakah **tidak** menerangkan tentang ciri-ciri lokasi Restoran Asam Pedas Istimewa?

- A Terdapat kemudahan infrastruktur
- B Mudah dikunjungi
- C Tempat tumpuan ramai
- D Harga berpatutan

35. Pernyataan berikut berkaitan dengan campuran pemasaran.

Zermat Enterprise mengambil keputusan untuk mengubahsuai warna dan corak pembungkusan jus nenas keluarannya agar kelihatan lebih menarik. Di samping itu, Zermat Enterprise juga telah bersetuju untuk mengiklankan produknya melalui media elektronik agar lebih ramai pelanggan dapat mengenali jenama jus nenas keluaran syarikatnya. Apakah elemen yang terlibat dalam situasi di atas?

I	Harga	II	Produk
III	Tempat	IV	Promosi

- | | |
|---------------|--------------|
| A. I dan III | C. II dan IV |
| B. II dan III | D. I dan IV |

36. Situasi manakah menunjukkan usahawan yang mempunyai ciri inovatif ?

- A Bella mencari pasaran baharu untuk produknya di Negara Australia.
- B Encik Izwan bermiaga ikan di pasar untuk mengumpul modal membaiki kedainya yang musnah terbakar tempoh hari.
- C Puan Sherry mempromosikan perisa terbaharu ais krim keluarannya.
- D Rachel mengeluarkan produk mengikut keperluan pelanggan.

37. Penamatan perniagaan boleh didaftarkan atas sebab berikut :

- A Kematian .
- B Pergaduhan .
- C Perniagaan tidak dikenali ramai .
- D Ingin mengubah bentuk perniagaan .

38. En. Damika menjalankan perniagaan Kedai Komputer yang beroperasi di MITC Melaka Sejak selepas PKP, jualan komputer semakin menurun dan amat membimbangkan . bentuk promosi yang berkesan bagi membantu perniagaan En Damika meningkatkan jualan ialah

- A Pemberian kupon
- B Publisiti
- C Pemberian Diskaun
- D Sampel percuma

39. Semua pernyataan di bawah merupakan kepentingan menyediakan rancangan perniagaan, kecuali..

- A Memberi gambaran sama ada projek yang dirancang berdaya maju atau tidak
- B Meyakinkan pihak pelabur atau bank
- C Merancang keperluan sumber perniagaan
- D Mendaftar perniagaan di SSM

40. Antara yang berikut, butir manakah yang dimasukkan dalam bahagian rancangan operasi sesebuah rancangan perniagaan?


- | | |
|-------------------------|---------------------------------|
| I. Carta organisasi | III. Senarai keperluan pejabat |
| II. Carta aliran proses | IV. Senarai mesin dan peralatan |
-
- A I dan II
 - B. II dan IV
 - C II dan III
 - D. III dan IV

BAHAGIAN A

[50 markah]

Jawab mana-mana lima soalan sahaja

1. (a) Gambar di bawah menunjukkan dua jenis organisasi.



Organisasi A



Organisasi B

Apakah perbezaan bagi kedua-dua jenis organisasi di atas [4 markah]

- (b) Nyatakan maksud perniagaan francais . [2 markah]
(c) Jelaskan kebaikan perniagaan francais kepada francaisor? [4 markah]

2. Maklumat berikut berkaitan situasi ekonomi di Malaysia

Kadar Inflasi Ogos 2022 di Malaysia kini 4.7%

Putrajaya 23 Sept – Malaysia mencatatkan peningkatan kadar inflasi pada bulan Ogos iaitu 4.7% berbanding Julai iaitu sebanyak 4.4%. Kadar inflasi masih tinggi berikutan fenomena global yang turut dialami oleh kebanyakan negara disebabkan input pengeluaran dan harga bahan api.

Sumber: Diubah dagangnews.com, 22 Sep 2022

- (a) Jelaskan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya situasi tersebut. [4 markah]
(b) Bagaimanakah pihak kerajaan mengatasi masalah tersebut? [6 markah]

3. (a) Visi, Misi dan objektif perniagaan merupakan perancangan yang digunakan oleh organisasi perniagaan dalam mencapai sesuatu matlamat yang telah ditetapkan.
Jelaskan maksud misi sesebuah perniagaan. [2 markah]
- (b) Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Syarikat Minuman Sedap.

Syarikat Minuman Sedap bermatlamat untuk mencapai keuntungan sebanyak RM50 000 sebulan. Namun atas ketidakcekapan pengurusan, Syarikat Minuman Sedap hanya dapat mencapai keuntungan sebanyak RM30 000 sebulan.

(i) Jelaskan langkah penyelesaian yang boleh digunakan oleh Syarikat Minuman Sedap apabila gagal mencapai sesuatu matlamat perniagaan
[4 markah]

(ii) Terangkan faktor dalaman yang mempengaruhi perubahan visi, misi dan objektif perniagaan
[4 markah]

4. Gambar di bawah menunjukkan satu bahagian fungsian dalam perniagaan



- (a) Nyatakan peranan yang dimainkan oleh bahagian fungsian tersebut. [4 markah]
- (b) Terangkan tiga kaedah yang digunakan untuk mengaplikasikan teknologi maklumat dalam perniagaan. [6 markah]

5. Pn. Dira merupakan seorang Pegawai Sumber Manusia di sebuah syarikat di bawah seliaan En. Jamal. Beliau bertanggungjawab merekrut pekerja baharu. Pn.Dira sering mengamalkan sikap pilih kasih semasa proses pengambilan pekerja baharu dan kenaikan pangkat bagi pekerja sedia ada. Beliau memberikan keutamaan kepada ahli keluarga sendiri untuk mengisi kekosongan jawatan dan kenaikan pangkat walaupun ada calon lai dari dalam atau luar organisasi yang lebih berkelayakan dan kompeten.

Merujuk situasi di atas, sila jawab soalan berikut:

- (a) Kenalpasti jenis kesalahan yang dilakukan oleh Pn. Dira. [2markah]
- (b) Jelaskan kesan negatif yang akan timbul apabila Pn. Dira mengamalkan sikap pilih kasih. [6markah]
- (c) Pada pendapat anda, apakah tindakan wajar yang perlu diambil oleh En. Jamal untuk menangani sikap Pn. Dira dalam proses pengambilan pekerja baharu? [2markah]

6. Situasi berikut berkaitan Harraz Printing Enterprise.

Harraz Printing Enterprise menjalankan perniagaan di Kawasan Perindustrian Bukit Rambai, Melaka. Perniagaan ini menggunakan mesin berteknologi tinggi untuk mencetak buku, majalah dan menyiapkan tempahan. Penyelenggaraan mesin dilakukan secara berkala oleh juruteknik terlatih. Buku, majalah dan tempahan yang telah disiapkan disimpan di stor bagi mengelakkan masalah kecurian. Perniagaan ini menerima tempahan di dalam talian sahaja supaya tempahan dapat dilakukan dengan teratur

(a) Huraikan sumber fizikal yang dimiliki Harraz Printing Enterprise? [6 markah]

(b) Mengapa mesin perlu diselenggara? [4 markah]

BAHAGIAN B

[30 markah]

Jawab mana-mana dua soalan sahaja.

Gambar di bawah menunjukkan sumber pembiayaan luaran. Puan Husna bercadang untuk memulakan perniagaan kedai gunting rambut Muslimah. Beliau memerlukan modal permulaan sebanyak RM 50,000 dengan kadar segera. Beliau berhasrat menjelaskan pinjaman dalam tempoh 1 tahun, Encik Hisham menjadikan barang-barang berikut sebagai cagaran yang dianggarkan RM 60,000.

7.



- (a) (i) Apakah sumber pembiayaan yang sesuai untuk situasi di atas?

Berikan contoh institusi kewangan yang menawarkan pembiayaan di atas.

[2 markah]

- (ii) Jelaskan kelebihan sumber pembiayaan yang dijalankan di (a) (i).

[5 markah]

Gambar di bawah menunjukkan agensi yang menawarkan pembiayaan kepada usahawan.



- b) (i) Apakah bentuk kemudahan kewangan yang ditawarkan oleh agensi di atas kepada usahawan untuk memulakan perniagaan ?

[2 markah]

- (ii) Jelaskan kekuatan dan kelemahan bagi sumber pembiayaan di 7(b)(i)?

[6 markah]

8. Maklumat berikut diperolehi daripada rekod kewangan MawarKasih Enterprise bagi tahun 2022.

BUTIRAN	RM
Untung Kasar	85 000
Untung Bersih	55 000
Jualan bersih	135 000
Belian Bersih	120 000
Kos Jualan	50 000
Modal Awal	150 000
Modal Akhir	200 000

- a) Hitungkan peratus untung bersih dan peratus pulangan atas modal. [6 markah]
- b) Jelaskan prestasi kedudukan kewangan MawarKasih Enterprise berdasarkan nisbah keberuntungan di atas? [3 markah]
- c) Terangkan **dua** faktor persekitaran yang mempengaruhi keperluan perniagaan MawarKasih Enterprise untuk mengubah visi,misi dan objektif perniagaannya.

[6 markah]

9. (a) Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Norman, seorang usahawan.

Encik Norman baru sahaja memulakan perusahaan menghasilkan jersi bola sepak berjenama PUMA. Beliau mensasarkan sekolah di sekitar Melaka untuk saiz pasarananya.

- (i) Tiga jenis dokumen perniagaan yang perlu disimpan oleh Encik Norman. [3 markah]
- (ii) Dua dokumen yang perlu digunakan dalam urus niaga kredit antara Encik Norman dengan pihak sekolah. [2 markah]

- (b) Gambar di bawah menunjukkan salah satu faktor penyumbang untuk memulakan perniagaan.



Gambar A



Gambar B

Bezakan jenis stok gambar A dan gambar rajah B.

[4 markah]

- (c) Situasi di bawah berkaitan dengan faktor memulakan perniagaan.

Setelah menamatkan persekolahan, Maria ingin memulakan perniagaan nasi lemak atas talian. Namun begitu, dia belum berani untuk memulakan perniagaan tersebut

Huraikan faktor penyumbang yang dapat membantu Maria memulakan perniagaan tersebut.

[6 markah]

BAHAGIAN C

[20 markah]

Soalan ini **WAJIB** jawab

10. Alin's Crispy Sendirian Berhad diasaskan pada tahun 2016 oleh seorang tokoh usahawan Melayu. Beliau telah mengembangkan perniagaannya dari gerai menjual ayam crispy hingga membuka kilang pengeluaran ayam crispy pelbagai perisa di Ayer Keroh, Melaka. Kini jualan tahunan bagi tahun 2021 berjumlah RM1.5 juta manakala untung bersih meningkat bagi empat tahun berturut-turut.



Selain membuat jualan di premis, Alin's Crispy Sendirian Berhad menggunakan *facebook* dan *instagram* untuk mempromosikan produknya dan berkomunikasi dengan pelanggan. Alin's Crispy akan memperkenalkan ayam crispy perisa korea melalui media sosial. Beliau juga bersedia menerima tempahan secara atas talian.

Alin's Crispy Sendirian Berhad ingin mengembangkan lagi perniagaan mereka dengan membuka satu lagi kilang di Sarawak bagi memenuhi permintaan di sekitar Sarawak dan Sabah. Perniagaan Alin's Crispy telah menyediakan rancangan perniagaan yang menjelaskan secara terperinci tentang visi, misi, dan objektif perniagaan. Rancangan perniagaan yang disediakan akan digunakan untuk meyakinkan pihak berkepentingan seperti bank dan pelabur supaya dapat memberikan pembiayaan sebanyak RM500 000 bagi membeli mesin dan peralatan serta beberapa aset lain yang akan digunakan untuk menjalankan perniagaan.

Perniagaan Alin's Crispy telah mempunyai jenama yang kukuh di negeri Melaka. Mereka telah membuat pendaftaran cap dagangan dan mempunyai hak eksklusif dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) lima tahun lalu. Banyak permintaan daripada peniaga untuk

menjual ayam crispy dengan menggunakan nama Alin's Crispy dimana dapat meluaskan perniagaan ayam crispy secara tidak langsung.

Berdasarkan kes tersebut, jawab soalan-soalan berikut:

- (a) Nyatakan jenis milikan perniagaan Alin's Crispy. Huraikan kelebihan pemilikan perniagaan tersebut? [4 markah]
- (b) Apakah trend perniagaan Alin's Crispy bagi tempoh empat tahun tersebut? Beri alasan anda. [2 markah]
- (c) Cadangkan kaedah promosi lain yang boleh dilaksanakan oleh perniagaan Alin's Crispy untuk meningkatkan jualan produknya. [4 markah]
- (d) Terangkan kepentingan penyediaan rancangan perniagaan kepada perniagaan Alin's Crispy [5 markah]
- (e) Wajarkah perniagaan Alin's Crispy memfrancaiskan perniagaannya? Berian alasan anda. [5 markah]

PANDUAN PEMARKAHAN SOALAN OBJEKTIF

1	B	23	D	45	A	67	C	89	D
2	D	24	A	46	A	68	D	90	C
3	A	25	A	47	A	69	B	91	B
4	A	26	A	48	D	70	C	92	D
5	D	27	D	49	A	71	A	93	B
6	C	28	B	50	A	72	A	94	A
7	A	29	C	51	D	73	C	95	A
8	C	30	C	52	B	74	A	96	D
9	D	31	D	53	B	75	A	97	B
10	B	32	D	54	D	76	D	98	A
11	D	33	C	55	C	77	C	99	B
12	A	34	B	56	B	78	C	100	B
13	B	35	A	57	D	79	A	101	A
14	C	36	C	58	C	80	A	102	B
15	D	37	A	59	C	81	A	103	C
16	C	38	A	60	A	82	B	104	A
17	A	39	A	61	C	83	D	105	A
18	A	40	B	62	D	84	D	106	C
19	C	41	D	63	D	85	B	107	C
20	A	42	B	64	A	86	B	108	A
21	A	43	D	65	C	87	A	109	C
22	B	44	D	66	D	88	A	110	C

PANDUAN PEMARKAHAN KERTAS 2



PERATURAN PEMARKAHAN

UJIAN DIAGNOSTIK 3

PERNIAGAAN KERTAS 1 TKN 5

1.	A	11.	C	21.	C	31.	B
2.	D	12.	B	22.	D	32.	B
3	C	13.	B	23.	A	33.	A
4.	C	14.	C	24.	D	34.	D
5.	A	15.	B	25.	D	35.	C
6.	B	16.	D	26.	A	36.	C
7.	D	17.	C	27.	C	37.	A
8.	C	18.	B	28.	C	38.	C
9.	A	19.	C	29.	C	39.	D
10.	C	20.	B	30.	D	40.	C

PEPERIKSAAN UJIAN DIAGNOSTIK 3 MELAKA 2022

PERATURAN PEMARKAHAN 3766/2

BAHAGIAN A

No		Panduan Permakahan	M												
1	(a)	<table border="1"> <tbody> <tr> <td>Organisasi A</td> <td>Organisasi B</td> <td>1+1</td> </tr> <tr> <td>- Organisasi bermotifkan keuntungan (OBU)</td> <td>- Organisasi bukan bermotifkan keuntungan (OBBU)</td> <td>1+1</td> </tr> <tr> <td>- Mendapat keuntungan maksimum</td> <td>- menjaga kebijakan ahli</td> <td>1+1</td> </tr> <tr> <td>- Pengeluaran dan penjualan barang dan perkhidmatan</td> <td>- Akt bercorak kemasyarakatan spt kursus,ceramah</td> <td>[4m]</td> </tr> </tbody> </table>	Organisasi A	Organisasi B	1+1	- Organisasi bermotifkan keuntungan (OBU)	- Organisasi bukan bermotifkan keuntungan (OBBU)	1+1	- Mendapat keuntungan maksimum	- menjaga kebijakan ahli	1+1	- Pengeluaran dan penjualan barang dan perkhidmatan	- Akt bercorak kemasyarakatan spt kursus,ceramah	[4m]	
Organisasi A	Organisasi B	1+1													
- Organisasi bermotifkan keuntungan (OBU)	- Organisasi bukan bermotifkan keuntungan (OBBU)	1+1													
- Mendapat keuntungan maksimum	- menjaga kebijakan ahli	1+1													
- Pengeluaran dan penjualan barang dan perkhidmatan	- Akt bercorak kemasyarakatan spt kursus,ceramah	[4m]													
	(b)	<p>Maksud Francais</p> <ul style="list-style-type: none"> -kaedah pemasaran di mana sebuah syarikat induk (Francaisor) memberi hak - kepada syarikat lain (francaisi) - untuk menjalankan perniagaan yang terkenal 	<p>1 1 1 [2m]</p>												
	(c)	<p>Kebaikan francais kepada francaisor:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Dapat mengembangkan perniagaan secara global - Menikmati eko bidangan/pengeluaran bertambah - Berkongsi risiko/tanggungjawab dengan francaisi - Struktur organisasi tidak begitu besar 	<p>1 1 1 1 [4m]</p>												

2a	(a)	<ul style="list-style-type: none"> - Permintaan barang/ perkhidmatan melebihi jumlah barang/ perkhidmatan di pasaran / DD melebihi /SS/ inflasi tarikan permintaan - Kurang bekalan/ bahan mentah/ pengeluaran terhad - Kenaikan kos pengeluar/ inflasi tolakan kos - Kos upah/ pengangkutan/ import/ bahan api meningkat - Kejatuhan nilai matawang - Harga barang meningkat - Kuasa beli menurun 	1 1 1 1 1 1 1 [4m]
	(b)	<ul style="list-style-type: none"> - Dasar fiskal - Dasar kewangan - Menaikkan cukai pendapatan individu - Pendapatan boleh guna individu jatuh/ permintaan menurun - Meningkatkan cukai import / eksport/ eksais - Bank pusat mengurangkan bekalan wang di pasaran/ kadar rizab berkanun/ rizab tunai dinaikan - Meningkatkan kadar faedah pinjaman bank/ syarat pembiayaan diketatkan - Pengguna/ individu boleh membuat simpanan - Melaksanakan dasar galakan pelaburan/ meningkatkan kadar pengeluaran - Pengeluar diberi subsidi 	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [6m]
3.	(a)	<ul style="list-style-type: none"> - Penyataan ringkas menjelaskan tujuan atau matamat utama sesebuah perniagaan - Jadi satu ketetapan dalam melakukan aktiviti perniagaan untuk capai matlarnat 	1 1 [2m]
3	(b) (i)	<ul style="list-style-type: none"> - mengurangkan kos - menurunkan harga produk - mempelbagaikan barang atau perkhidmatan yang ditawarkan - mengurangkan jumlah atau kadar pembayaran dividen kepada pemegang saham, - menggunakan kaedah atau teknologi baharu dalam pengeluaran - menyemak semula matlamat perniagaan 	1 1 1 1 1 1 1 [4m]

3	(b) (ii)	<ul style="list-style-type: none"> - Sumber Manusia - Setiap pekerja akan menjalankan tugas mengikut peringkat pengurusan - Kekuatan dan kelemahan bergantung pada tahap kuantiti dan kualiti pekerja - Pihak pengurusan perlu mengubah visi,misi dan objektif perniagaan sekiranya memiliki pekerja yang berkebolehan seperti mampu menguasai pelbagai bahasa dan berkemahiran tinggi - Kewangan - Merupakan satu fungsi perniagaan yang berkaitan dengan sumber kewangan yang boleh diperoleh dan bagaimana wang tersebut dibelanjakan - Kekuatan perniagaan digambarkan melalui jumlah wang atau sumber kewangan yang banyak 	1 1 1 1 1 1 1 1 1 [4m]
4	(a) (i)	<ul style="list-style-type: none"> - Merancang aktiviti pembangunan produk baharu - Membuat penambahbaikan produk sedia ada. - Merancang menghasilkan produk yang dapat memenuhi keperluan dan kehendak pengguna. - Meningkatkan tahap pengeluaran dan pemasaran produk 	1 1 1 1 1 [4m]
4	(a) (ii)	<ul style="list-style-type: none"> - e-pemasaran - memasarkan produk secara dalam talian - e-dagang - urusan perniagaan dijalankan secara dalam talian - e-government - urusan perniagaan yang melibatkan kerajaan yang dijalankan secara dalam talian 	1 1 1 1 1 1 1 1 1 [6m]
5	(a)	<ul style="list-style-type: none"> - Pecah Amanah - Tidak beretika 	1 1 [2m]
5	(b)	<ul style="list-style-type: none"> - Prestasi pasukan akan menurun - Produktiviti akan berkurangan - Kualiti pengeluaran akan merosot - Motivasi pekerja akan terganggu - Hubungan sesama pekerja akan terjejas - Kesetiaan pekerja akan menurun 	1 1 1 1 1 1 (6m)

	(c)	<ul style="list-style-type: none"> - Berjumpa dengan Pn. Dira dan mengadakan perbincangan - Memberitahu Pn. Dira atas kesalahan yang dilakukan adalah amat berat kerana ia akan menambah banyak kesan-kesan negatif dalam organisasi - Memberi amaran pertama kepada Pn. Dira supaya beliau menyesali atas perbuatannya - Tindakan tatatertib/turun pangkat/buang kerja boleh dikenakan sekiranya perkara itu berlarutan. 	1 1 1 1 (2m)
--	-----	--	--------------------------

6	(a)	<ul style="list-style-type: none"> - Kilang/ Mesin - Kilang merupakan tempat memproses bahan mentah menjadi buku/majalah/ Mesin merupakan jentera pemprosesan bahan mentah - Kilang di Kawasan Perindustrian Bukit Rambai/ mesin berteknologi tinggi - Produk siap - Barang akhir setelah siap diproses/ sedia untuk dijual - Buku/ majalah - Peralatan teknologi maklumat dan komunikasi - Menerima tempahan dalam talian - Komputer/ Telefon dll 	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [6m]
6	(b)	<ul style="list-style-type: none"> - Memastikan pengeluaran efektif - Mempercepat/ memudahkan proses pengeluaran/ Menjamin pengeleluaran - Memastikan kualiti produk dalam keadaan yang baik - Memastikan operasi berjalan lancar/ memastikan kelancaran produktiviti perniagaan - Memastikan kerosakan dapat diselesaikan dengan segera 	1 1 1 1 1 [4m]

BAHAGIAN B

7	(a) (i)	<ul style="list-style-type: none"> - Pinjaman Perniagaan Gadaian/ Ar Rahnu - Ar Rahnu / Pajak Gadai bukan islam 	1 1 [2m]
	(a) (ii)	<ul style="list-style-type: none"> - Tempoh bayaran balik pinjaman / ansuran bulanan mengikut kemampuan peminjam - Jumlah pinjaman boleh disesuaikan dengan keperluan semasa - Memberi pinjaman kepada peniaga yang tiada cagaran - Tidak dikenakan faedah jika agensi kerajaan - Tidak memerlukan syarat tambahan / mengisi borang / dokumen yang 	1 1 1 1 1 [5m]

		banyak	
	(b) (i)	<ul style="list-style-type: none"> - Bantuan modal - Geran penyelidikan dan pembangunan - Jaminan kredit 	1 1 1 [2m]
	(b) (ii)	<ul style="list-style-type: none"> - Memberi pinjaman kepada peniaga yang tidak mempunyai cagaran. - Jumlah pinjaman boleh disesuaikan dengan keperluan semasa. - Tidak dikenakan faedah - Persaingan yang sengit - Jumlah pinjaman terhad menyebabkan perniagaan terpaksa membuat pinjaman berulang kali - Tertakluk kepada terma dan syara 	1 1 1 1 1 1 [6m]
8	(a)	<p>Peratus untung bersih</p> <p><u>Untung Bersih</u></p> <p>Jualan Bersih $\times 100\%$</p> <p>$\frac{55\ 000}{135\ 000} \times 100\%$</p> <p>= 40.74%</p>	1 1 1
		<p>Pulangan atas modal</p> <p><u>Untung Bersih</u></p> <p>Modal Awal $\times 100\%$</p> <p>$\frac{55\ 000}{150\ 000} \times 100\%$</p> <p>= 36.67%</p>	1 1 1 [6m]
	(b)	<ul style="list-style-type: none"> - Setiap RM1 jualan bersih, perniagaan memperolehi untung bersih sebanyak 40.74 sen. - Bagi setiap RM1 modal yang dilaburkan, untung bersih yang diperolehi ialah 36.67 sen 	1 1 [2m]

9	(c)	<ul style="list-style-type: none"> - Modal <ul style="list-style-type: none"> - Merupakan sumber yang jelas/ sumber pembiayaan dalaman/ sumber pembiayaan luaran. - Contoh: Pinjaman MARA/agensi lain - Kemahiran <ul style="list-style-type: none"> - Pengetahuan tentang penyajian nasi lemak / penggunaan teknologi Maklumat - Contoh: Maria mengikuti kelas kulinari / mengambil kursus sijil - Pemasaran <ul style="list-style-type: none"> - Mengamalkan konsep 4P/ menjalankan promosi berkesan/ mencipta nasi lemak lazat/ berkualiti/ pembungkusan menarik. - Contoh: Melaksanakan aktiviti iklan di media / kaedah penghantaran cepat - Stok <ul style="list-style-type: none"> - Bahan asas yang mencukupi/ mudah diperoleh/sedia ada - Contoh: Bekalan beras/ramuan masakan - Bantuan profesional <ul style="list-style-type: none"> - pihak yang mahir dalam pengendalian web - Contoh: Menggunakan kepakaran MARA/TEKUN / menghubungi agensi pemasaran awam. - Latihan <ul style="list-style-type: none"> - Memperlengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan - Contoh: Memperoleh ilmu berkaitan pengurusan / motivasi 	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [6m]
10	(a)	<ul style="list-style-type: none"> - Modal lebih besar - Modal dapat dikumpulkan melalui terbitan syer - Liabiliti terhad - Rugi setakat modal yang dilaburkan sahaja - Hal ehwal syarikat dirahsiakan - Laporan kewangan tidak perlu diumumkan kepada orang ramai 	1 1 1 1 1 1 [4m]
10	(b)	<ul style="list-style-type: none"> - untung bersih meningkat bagi empat tahun berturut-turut - aktiviti dan operasi perniagaan semakin meningkat 	1 1 1

		- pengeluaran ayam crispy pelbagai perisa	[3m]
10	(c)	<ul style="list-style-type: none"> - Promosi jualan - Beri pelbagai jenis insentif untuk menarik minat pengguna agar menambahkan belian - Contoh: pemberian diskaun, pemberian kupon, sampel percuma - Jualan langsung - Jualan secara peribadi antara jurujual dengan bakal pelanggan. - Publisiti - Maklumat ayam crispy disalurkan melalui media massa 	1 1 1 1 1 1 1 [4m]
10	(d)	<ul style="list-style-type: none"> - Memberi peluang kepada usahawan menilai projek yang dirancang dengan teliti - Menjadi garis panduan dalam hala tuju pengurusan perniagaan - Sebarang kesilapan dapat dikurangkan - Merancang keperluan sumber perniagaan - Pengagihan keperluan sumber perniagaan yang betul dapat membantu perniagaan beroperasi dengan lebih sistematik dan lebih jelas - Menjangka risiko dan masalah yang timbul semasa melaksanakan projek perniagaan - Usahawan dapat meramal risiko dan masalah serta berusaha menangani risiko - Memberi gambaran sama ada projek yang dirancang berdaya maju atau tidak - menyakinkan pihak seperti pelabur, bank dan pihak berkepentingan untuk pelaburan atau pembiayaan 	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [5m]

10	(e)	<ul style="list-style-type: none"> - Wajar - Dapat mengembangkan perniagaan secara global - Berkongsi risiko dan tanggungjawab dengan francais - Struktur pengurusan tidak begitu besar - Pengurusan outlet francais dilakukan oleh francais sendiri 	[5m]	1
		ATAU		1
		<ul style="list-style-type: none"> - Tidak wajar - Boleh menjelaskan reputasi franchisor sekiranya francais tidak mematuhi kualiti produk yang ditetapkan - Kesukaran memilih francais yang baik dan berdaya saing - Peningkatan dalam kos sokongan operasi untuk francais 	[4m]	1
				1
<p>** SEKIRANYA CALON JAWAB TIDAK WAJAR...</p> <p>MARKAH MAKSIMUM HANYA 4 M **</p>				



Hadirnya Sebuah Inspirasi...Apresiasi Buat Dermawan Dalam Dunia Literasi

Kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kemurahan hati **Dr. Hayati binti Jaafar** dalam usaha memperkasakan **Modul Pentaksiran Intervensi Masyhur**. Sumbangan ini menjadi penyuntik semangat panel penulis agar terus berkarya. Sumbangan yang dihulurkan merupakan tanda keikhlasan dan keprihatinan yang tidak ternilai, menjadikan impian penerbitan modul ini satu kenyataan.

Dengan sumbangan dan komitmen ini, kami dapat memanfaatkan ilmu, idea, dan halaman-halaman yang terkandung dalam modul ini untuk faedah warga pendidikan dan pelajar. Kerjasama ini tidak terhad dalam aspek penerbitan, namun memupuk usaha membentuk pemikiran, mencorak masa depan, dan menyebarluaskan ilmu dengan matlamat memberi impak yang berkekalan.

Terima kasih sekali lagi, semoga segala amalan baik yang diberikan dibalas dengan ganjaran kebaikan di sisi Allah S.W.T.

Sekalung Penghargaan Dari Kami,
Warga Pejabat Pendidikan Daerah Jasin.